



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I Bil. 28 Hari Selasa 17hb Disember, 1991

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan)	(Ruangan 43)
Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1991	(Ruangan 101)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 17hb Disember, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]**

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

HUKUMAN KEPADA PENGEDAR WANITA

1. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan hukuman kepada "Pengedar Wanita" di negara ini untuk tujuan dijadikan pelacuran:

- (a) apakah hukuman kepada "Pengedar Wanita" untuk tujuan dijadikan pelacuran, mengikut undang-undang yang ada pada masa ini; dan
- (b) bolehkah undang-undang itu dipinda kepada hukuman yang lebih berat iaitu, denda \$5,000 atau penjara 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman. [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Undang-undang yang sedia ada bagi membanteras kesalahan-kesalahan berkaitan dengan pelacuran adalah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973. Seksyen 16

menperuntukkan berbagai-bagai kesalahan yang dilakukan oleh seseorang berkaitan dengan kegiatan pelacuran. Satu daripadanya ialah bertindak sebagai pengantara bagi pihak seorang lain atau menjalankan kawalan atau pengalih atau pergerakan seorang lain dengan cara yang menunjukkan bahawa orang itu adalah membantu atau bersubahat atau mengawal pelacuran yang lain itu. Mengikut peruntukan ini, apabila seseorang itu disabitkan, ia boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada 5 tahun atau denda tidak lebih daripada \$10,000 atau penjara dan denda atau kedua-duanya sekali. Dengan itu berkaitan dengan hukuman denda, mahkamah ada budibicara untuk mengenakan denda yang lebih daripada \$5,000 mengikut kepada fakta di dalam sesuatu kes.

- (b) Sama ada undang-undang itu boleh dipinda kepada hukuman yang lebih berat, iaitu denda \$5,000 atau penjara 20 tahun atau kedua-duanya sekali, ini bermakna apa yang dicadangkan ialah denda minimum \$5,000. Ini adalah satu soalan dasar di mana perlu dibuat kajian yang teliti sama ada hukuman yang lebih berat wajar diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 16 itu.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah licinnya pengedar wanita ini dapat masuk ke negara kita sehingga seringkali kita dengar pelacur-pelacur ini berada dalam negara kita?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar daripada soalan pokok.

PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA - JUMLAH

2. **Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan berapakah jumlah Persatuan-persatuan Pengguna di negara ini dan sejauh mana peranan dan hubungan Persatuan-persatuan Pengguna dalam membantu Kementerian melindungi hak-hak pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat sebanyak 16 buah Persatuan Pengguna, iaitu 13 buah Persatuan Pengguna Negeri, 2 buah cawangan negeri di Ipoh dan Sibul dan 1 Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) yang merupakan badan gabungan kepada Persatuair-persatuan Pengguna Negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap negeri mempunyai persatuan penggunaanya masing-masing..

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan bahawa persatuan-persatuan pengguna memainkan peranan yang penting dalam membantu Kerajaan amnya dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna khasnya bagi mendidik dan melindungi hak-hak pengguna. Persatuan-persatuan pengguna adalah merupakan sumber maklumat terpenting yang telah membantu Kementerian mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna. Melalui aduan-aduan yang dibuat oleh persatuan-persatuan pengguna, beberapa masalah pengguna telah dikenalpasti dan diatasi oleh Kementerian, seperti masalah kenaikan harga barangan dan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku dalam pasaran. Selain daripada itu, persatuan-persatuan pengguna

juga membantu Kementerian dengan mengemukakan pandangan-pandangan dan nasihat-nasihat mengenai apa jua perkara yang ada berkaitan dengan kepenggunaan melalui wakil-wakil mereka di dalam Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan. Pihak Kementerian sentiasa memberi perhatian dan pengiktirafan terhadap pandangan-pandangan dan nasihat-nasihat tersebut.

Dari segi pendidikan pengguna, pihak Kementerian sememangnya sentiasa bekerjasama rapat dengan persatuan-persatuan pengguna dalam menjayakan program-program pendidikan pengguna. Kementerian sentiasa menjemput persatuan-persatuan pengguna mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pendidikan pengguna yang dianjurkan oleh Kementerian. Sebaliknya, Kementerian juga mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan pengguna. Hubungan rapat ini adalah perlu dalam usaha kita untuk menyedarkan pengguna mengenai hak dan tanggungjawab masyarakat sebagai pengguna. Selain daripada itu, sokongan orang ramai terhadap persatuan-persatuan pengguna ini adalah perlu.

Dengan menjadi ahli kepada persatuan-persatuan pengguna, orang ramai akan dapat membantu persatuan sama ada dari segi kewangan mahupun kekuatan persatuan itu sendiri. Dengan wujudnya persatuan-persatuan pengguna yang kuat dan mendapat sokongan daripada masyarakat, pihak Kementerian percaya sumbangan persatuan-persatuan pengguna dalam mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan kepenggunaan akan menjadi lebih berkesan dan bermakna lagi.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedar bahawa pada 13 cawangan persatuan-persatuan pengguna dan cawangan-cawangan di peringkat negeri didapati bahawa peranan mereka tidak aktif dan tidak menjalankan tugas mereka dengan prestasi yang baik. Maka apakah cadangan Kementerian untuk meningkatkan prestasi persatuan-persatuan pengguna di peringkat negeri supaya memainkan peranan untuk melindungi hak-hak pengguna?

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah menjelaskan dalam jawapan, pada keseluruhannya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berpendapat bahawa persatuan-persatuan pengguna di negeri-negeri adalah pada masa sekarang menjalankan tugas dengan memuaskan. Walau bagaimanapun,

kadangkala ada beberapa persatuan yang kurang aktif. Namun demikian, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menjalankan rancangan untuk menghubungkan Kementerian lebih rapat dengan persatuan-persatuan yang berkenaan melalui cawangan-cawangan Kementerian di setiap negeri masing-masing.

Selain dari itu, Kementerian sendiri pun telah merancang untuk menjalankan berbagai aktiviti-aktiviti kepenggunaan, termasuk seminar-seminar pendidikan pengguna yang mana secara langsungnya Kementerian mendapati penglibatan dan bantuan dari persatuan-persatuan pengguna negeri masing-masing dalam aktiviti-aktiviti yang tersebut. Maka adalah diharapkan bahawa dengan wujudnya Kementerian baru, iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna., maka aktiviti kepenggunaan atau consumerism akan meningkat lagi dengan harapan dan memang menjadi hasrat dan tumpuan tenaga Kementerian ini untuk meningkatkan lagi penglibatan dan aktiviti atau kegiatan persatuan-persatuan pengguna di negeri masing-masing.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya, terdapat dalam jawapan ini banyak saranan atas kegiatan pengguna yang telah memberi kesan yang baik, adakah Kementerian bercadang memberi peruntukan itu kepada pengguna-pengguna ini dalam bentuk yang tertentu untuk mempergiatkan lagi usaha mereka?

Dr. Sak Cheng Ium: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian sejak tahun 1966 telah memberi bantuan peruntukan kewangan kepada persatuan-persatuan pengguna negeri. Sebagai contohnya, dalam tahun 1990 iaitu tahun lepas, sejumlah \$125,664 telah disalurkan secara langsungnya kepada persatuan-persatuan pengguna negeri untuk membantu mereka untuk menjalankan pentadbiran dan juga menjalankan aktiviti-aktiviti yang ada berkaitan dengan kepenggunaan ataupun pengguna. Sejumlah \$1,568,930 telah diberikan oleh Kerajaan dari tahun 1966 sehingga tahun ini kepada persatuan-persatuan pengguna negeri untuk maksud tersebut.

KELAPA PARUT - DAKWAAN PENCEMARAN BAKTERIA SALMONELLA

3. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Mentari Kesihatan menyatakan apakah benar-berlaku pencemaran terhadap kelapa parut Malaysia di mana terdapat kesan bakteria salmonella di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K Kumaran]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah dari mana ke semasa menjalankan pemeriksaan ke atas kelapa parut dan kilang memprosesnya. Berikutan dengan laporan penemuan pencemaran bakteria salmonella dalam kelapa parut yang dikatakan dari Malaysia oleh pihak Jabatan Kesihatan Negara Britain, Kementerian Kesihatan telah mempertingkatkan lagi pemeriksaan dan pengawasan di mana pada bulan November 1991, sebanyak 29 kilang memproses kelapa parut telah

diperiksa dan 135 sampel diambil untuk dianalisa. Hasil daripada analisa, contoh-contoh yang telah dibuat setakat ini menunjukkan tidak terdapat sebarang pencemaran oleh bakteria salmonella. Walau bagaimanapun, Kementerian akan terus memastikan pihak pengilang kelapa parut mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi mengelakkan pencemaran oleh bakteria salmonella dari berlaku.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya nanti di dalam kajian dan siasatan yang akan diteruskan didapati tiada juga perkara berkenaan, ertinya bakteria salmonella ini, maka apakah tindakan daripada Kementerian untuk membalas dan untuk membetulkan keadaan ini supaya perniagaan dan perdagangan kita dari segi coconut ini dan negara kita tidak terjejas?

Dato' K. Kumaran: Kalau telah terbukti pencemaran berlaku di barangan Malaysia, tindakan-cindakan yang tegas seperti menutup kilang berkenaan dapat dilaksanakan. Jika berlaku pencemaran tersebut, kilang-kilang yang terbabit boleh ditutup dan pengusaha berkenaan boleh didenda di bawah Akta Makanan.

Tuan Mustafa bin Awang: [Bangun]

Puan Ainon binti Ariffin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang, nanti sekejap. Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.

Puan Ainon binti Ariffin: Sehubungan dengan tadi juga sebab tidak tepat tadi itu. Pertanyaan saya ialah sekiranya tidak ada terdapat perkara-perkara yang dituduh oleh pihak Britain itu, apakah tindakan kita membalas perbuatan mereka itu?

Dato' K. Kumaran: Pada kebetulannya, Tuan Yang di-Pertua, kita telah menerima hanya laporan ringkas daripada Jabatan Kesihatan Britain melalui Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom. Kita telah menghubungi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut ke atas perkara tersebut. Apabila kita mendapat maklumat itu, maka kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua., apakah jenis-jenis penyakit yang dibawa oleh bakteria itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan am sahaja. Tidak payah diberi apa-apa jawapan. [Ketawa]

URUSETIA ASEAN - MEMPERBAIKI

4. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan bahawa Sekretariat ASEAN yang ada sekarang mungkin tidak mampu untuk menguruskan tugas-tugas yang dibebankan ke atas mereka yang kian bertambah, adakah beliau akan mengesyorkan di Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura pada bulan Januari 1992 supaya Sekretariat ini dirombak semula dan diuruskan oleh kalangan profesional.

Timbalan Menteri Luar Segeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, perkembangan pesat politik antara-bangsa telah membuka peluang-peluang dan cabaran-cabaran yang baru kepada ASEAN. Untuk menghadapi masa depan ini, ASEAN telah mula berusaha mencari jalan bagi menjayakan dan memperbaiki struktur mekanisme, termasuk Urusetia ASEAN untuk memastikan kerjasama ASEAN lebih berkesan dan bermakna lagi. Adalah dijangka Sidang Kamuncak Singapura pada awal tahun hadapan akan mengambil langkah-langkah yang konkrit dalam perkara ini. Ini akan membolehkan ASEAN terus memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan lagi kerjasama, kestabilan dan perpaduan di rantau.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati selain daripada ASEAN ada lagi badan-badan, persatuan-persatuan dan union seperti APEC, AIPO, APU dan sekarang kita adakan pula EAEC dan sebagainya yang masing-masingnya mempunyai matlamat-matlamat atau strategi-strategi yang lebih kurang sama. Saya dapati mungkin ada masalah penyelarasan, matlamat-matlamat dan strategi-strategi. Jadi, bagaimanakah pihak pertubuhan ini akan menyelesaikan masalah ini berkenaan dengan penyelarasan, objektif dan strategi oleh sebab badan itu banyak tetapi objektif dan strategi mungkin serupa?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, persatuan-persatuan yang telah Yang Berhormat katakan tadi sesungguhnya tidaklah semuanya serupa dari segi matlamat, tujuan ataupun strateginya. Masing-masing ada objektif yang tertentu yang mana contohnya AIPO adalah merupakan pertubuhan yang mana dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen dan juga EAEC bukannya satu badan yang konkrit ataupun yang ada "pertubuhan". Ianya hanya merupakan caucus ataupun perhimpunan yang diadakan dari masa ke semasa kalau perlu untuk membincangkan sesuatu perkara. Maka objektif tidak sama dan tiap-tiap badan itu ada fungsi dan objektifnya tertentu yang akan dilaksanakan oleh badan yang bertanggungjawab untuk mengendalikan persatuan ataupun pertubuhan yang berkenaan. Maka tidak timbullah tentang penyelarasan. Ia akan ditentukan oleh badan yang tertentu itu.

Tuan Haji Zainal bin Md. Deros: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar sekretariat ASEAN ini hanya memainkan peranan penting semasa Mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap ASEAN sahaja? Selepas itu ia lenyap dan tidak berfungsi sehinggalah diadakan mesyuarat-mesyuarat yang berikutnya. Itu yang pertama.

Yang kedua, mengapakah negara-negara ASEAN tidak memperuntukkan kuasa pemutus kepada Setiausaha Agung ASEAN supaya sekretariat ASEAN-iai boleh memainkan peranan yang dinamik dan berkesan untuk rantau ASEAN?

Yang ketiga,

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan tambahan sahaja cukuplah.

Tuan Haji Zainal bin Md. Deros: Terima kasih.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kuasa ataupun kerja-kerja Setiausaha Agung ASEAN ini tidaklah tertumpu hanya bila diadakan mesyuarat. Ianya sentiasa bekerja dan bertindak dari masa ke semasa untuk kepentingan yang tertentu. Walau bagaimanapun, kita belum lagi berpuas hati daripada segi operasi ataupun berkesannya Setiausaha ASEAN ini dan juga dari segi kita hendak mempereratkan, lebih-lebih lagi hubungan ekonomi dan perdagangan di antara negara-negara ASEAN. Itulah sebab mengapa di Sidang Kemuncak ASEAN akan datang ini, kita akan mencadangkan

beberapa perkara untuk kita memperkukuhkan lagi sekretariat ASEAN ini supaya lebih berkesan lagi, lebih-lebih lagi dalam era untuk kita memperdekati lagi kerjasama di dalam bidang ekonomi.

Yang keduanya, kuasa pada waktu kini tidak boleh diberi secara berleluasa kepada Setiausaha Agung ASEAN untuk bertindak mengikut pertimbangan beliau kerana ASEAN ini belum lagi merupakan satu badan seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang benar-benar berkuasa dan sebagainya. Kita masih lagi menengok keadaan yang mana struktur ASEAN itu perlu diperlihat dari masa ke semasa, lebih-lebih lagi di masa akan datang. Maka kuasa Setiausaha Agung ASEAN akan hanya ditentukan setelah pihak Sidang Kemuncak ASEAN akan datang ini menentukan tentang aturcara dan strategi yang bakal dibuat oleh negara-negara anggota ASEAN.

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM - PROJEK DI KELANTAN

5. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Perdana Menteri menyatakan banyak projek-projek akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini dan projek-projek itu sepatutnya dilaksanakan bermula daripada sekarang tetapi nampaknya di Negeri Kelantan belum lagi ada projek-projek yang sederhana atau besar dilaksanakan lagi. Bilakah projek-projek sedemikian akan dilaksanakan dan cara mana projek-projek itu akan diimplementasikan supaya usahawan-usahawan dapat peluang yang sewajarnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman

Ahli Yang Berhormat terdapat sebanyak 371 program dan projek yang telah diluluskan untuk tempoh Rancangan Malaysia Keenam bagi Negeri Kelantan tidak termasuk program dan projek di bawah peruntukan pelbagai negeri. Sebahagian daripada projek-projek berkenaan sedang dalam peringkat pelaksanaan. Bagi projek-projek besar, kajian lanjut dan rekabentuk sedang dibuat. Projek-projek tersebut akan dilaksanakan secara biasa iaitu tawaran ataupun tender. Peraborong-pemborong dan usahawan-usahawan bolehlah memasuki tawaran apabila ianya dipanggil nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Tan Gim Hua.

[Soalan No. 6 Y.B. Datuk Tan Gim Hua tidak hadir]

PENDATANG HARAM VIETHAM - PEMINDAHAN KE KEM SUNGAI BESI

7. **Jen. (B). Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah pendatang haram dari Vietnam yang berjumlah lebih kurang 18,000 orang itu dipindahkan dari Pulau Bidong ke Kuala Lumpur (Nadi Wilayah Negara Kita) dan tidak ditempatkan di pulau-pulau atau gunung yang berjauhan dari penduduk-penduduk kita supaya ianya tidak nanti berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti yang telah berlaku di Hong Kong dan negara-negara yang lain juga.

Tinbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan yang sebenar pelarian Vietnam yang ada di negara ini ialah

12,518 orang., Kuala Lumpur dipilih sebagai tempat penempatan sementara PHV dari Pulau Bidong yang telah ditutup secara rasmi pada 30 November yang lalu, adalah berdasarkan kepada beberapa faktor seperti logistik, pengurusan, tenaga kerja dan juga keselamatan.

Dari segi logistik, Kerajaan Persekutuan memilih Kuala Lumpur kerana satu kem penempatan sementara PHV telahpun wujud di Sungai Besi semenjak tahun 1982 lagi. Segala kemudahan infrastruktur seperti tempat tinggal, bekalan api, air, perhubungan, kawalan keselamatan, kemudahan pembelajaran dan kemudahan perubatan semuanya telah sedia ada di pusat berkenaan.

Dengan pemilihan itu Kerajaan tidak perlu membazirkan tenaga dan wang untuk mewujudkan satu lagi pusat tahanan baru yang lengkap dengan kemudahan asas seperti itu. Dengan pemilihan Kem Sungai Besi, Kerajaan hanya perlu menambah beberapa blok kediaman baru dan juga meningkatkan kawalan keselamatan kem.

Kerajaan memang tidak bercadang untuk mencari tapak yang baru sama ada di pulau-pulau ataupun di gunung-gunung sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Ini adalah kerana ia tidak praktikal dan tidak dapat menyelesaikan masalah PHV di negara ini. Tindakan tersebut seolah-olah hanya memindahkan Pulau Bidong ke tempat lain. Dengan itu ia hanya menambah pembaziran gunatenaga, kewangan, pengurusan dan juga logistik.

Dari aspek pengurusan pula, telah diperhatikan bahawa pemilihan Kuala Lumpur sebagai teiapat penempatan sementara itu adalah tepat. Ini adalah kerana pengurusan pendatang-pendatang haram ini bukan sahaja menjadi tanggungjawab dan urusan Kerajaan Malaysia, tetapi juga urusan agensi-agensi antarabangsa yang lain seperti UNHCR, IOM dan juga kedutaan-kedutaan asing yang mana kesemuanya beribu-pejabat di Kuala Lumpur. Dengan menempatkan PHV ini di satu pusat yang berhampiran dengan agensi-agensi yang terlibat itu, kita dapat menumpukan perhatian mereka kepada hanya di satu pusat sahaja. Mereka akan dapat berintegrasi secara langsung dan memerhatikan dengan lebih dekat akan masalah yang dihadapi oleh negara ini sebagai negara persinggahan pertama. Di samping itu, ia juga akan, dapat membantu menyelesaikan maaalah perhubungan yang dihadapi oleh agensi-agensi berkenaan sebagaimana ketika PHV berada di Pulau Bidong dahulu.

Dari aspek keselamatan pula, Kerajaan mendapati Kuala Lumpur lebih sesuai kerana penempatan anggota-anggota keselamatan banyak terdapat di kawasan ini. Sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini, Kerajaan dengan mudah dan pantas dapat mengembeling tenaga pasukan-pasukan keselamatan yang ada di sekitar ibu negara untuk mententeramkan keadaan. Tetapi sekiranya kejadian seperti ini berlaku di pulau-pulau atau gunung, risikonya adalah lebih tinggi di mana ianya boleh mengancam keselamatan anggota-anggota yang bertugas dalam kem berkenaan kerana kelewatan mendapat bantuan akibat dari masalah komunikasi, jarak dan juga perhubungan.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah atau tidak dicari jalan supaya pendatang-pendatang haram itu dapat juga digunakan dengan sebaik-baiknyalah untuk manfaat kita, rather than, dengan izin, membiarkan dia sebagai membazir dengan tidak membuat apa-apa pekerjaan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, alangkan kita biarkan mereka tinggal di perkampungan yang khas ini pun mewujudkan masalah, apatah lagi kalau kita beri mereka kebebasan untuk melakukan sesuatu. Tentu sekali akan mewujudkan lebih banyak masalah, Apa yang paling penting ialah kita merayu kepada negara-negara ketiga supaya secepat yang mungkin mereka mengambil pelarian-pelarian ini agar masalah pelarian ini tidak menjadi beban kepada negara kita. Bagaimanapun, setakat ini kita lihat bahawa negara-negara yang ketiga sentiasa bekerjasama untuk mengambil mereka ini yang mana setakat hari ini sudah tinggal hanya 12,518 orang.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Memandangkan keadaan politik di Vietnam telah berubah, adakah Kerajaan kita akan bercadang untuk membantu mereka dengan menghantar mereka pulang semula ke Vietnam seperti yang telah dibuat oleh negara-negara seperti Hong Kong dan lain-lain?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Malaysia sentiasa seberapa daya untuk memujuk mereka ini untuk kembali ke negara yang asal, jikalau sekiranya negara-negara lain tidak mahu menerima mereka. Setakat ini pada tahun 1991 sahaja dan pada bulan Januari sehingga bulan Disember, 331 orang daripada mereka ini sudah pun dapat dipujuk dan kembali ke negara asal mereka ke Vietnam.

KEHILANGAN PEMUDA/PEMUDI DAN PELACURAN - LANGKAH MENGATASI

8. Puan Rosalind Yau Shuk Meng Minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada terdapat apa-apa rancangan membantu kes-kes kehilangan pemuda-pemudi dan menyekat kegiatan pelacuran yang berleluasa, adakah Kementerian Dalam Negeri mempunyai rancangan menggubal Akta menyekat kegiatan maksiat dan meningkatkan hukuman ke atas sesiapa yang melibatkan diri dalam kegiatan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah Kerajaan untuk membantu kes-kes kehilangan pemuda-pemudi dan menyekat kegiatan pelacuran ialah dengan mendakwa di Mahkamah siapa yang didapati terlibat dalam kegiatan ini. Ada juga di antara mereka yang terlibat ini dikenakan tindakan di bawah undang-undang pencegahan. Selain dari itu, pihak polis juga menyiarkan berita-berita kehilangan ini melalui media massa supaya ianya diketahui umum dan secara langsung memberi kesedaran kepada golongan remaja dan keluarga mereka mengenai masalah ini.

Adalah juga penting diingati bahawa dalam hal ini peranan ibu bapa dalam menjaga anak-anak gadis mereka dari bergaul terlalu bebas dan memberikan pendidikan agama dan moral secukupnya adalah tiadakan yang lebih berkesan bagi mengelakkan kejadian-kejadian dari berlaku.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal akta menyekat kegiatan maksiat dan meningkatkan hukuman ke atas sesiapa yang melibatkan diri dalam kegiatan ini oleh kerana undang-undang pencegahan yang sedia ada adalah mencukupi.

ALAT PERUBATAN DI PUSAT-PUSAT KESIHATAN - PENINGKATAN

9. Tuan Mustaffa bin Awang minta Menteri Kesihatan menyatakan iaitu memandangkan kesihatan rakyat negara ini dari semua peringkat perlu ditingkatkan dari masa ke semasa sesuai pula peralatan perubatan masa kini adalah canggih, apakah ada rancangan Kementerian telah/akan menyediakan alat yang canggih ini:

- (a) alat ultra — sound/dialisis di setiap hospital-hospital daerah di seluruh negara; dan
- (b) alat mengesan gula dalam darah (diascan) di pusat-pusat kesihatan besar, pusat kesihatan kecil dan klinik-klinik desa di seluruh negara.

Dato' K. Kumaran; Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha mendapatkan alat-alat perubatan yang canggih dan juga mengadakan teknologi yang terbaru di hospital-hospital Kerajaan dan poliklinik- poliklinik di seluruh negara demi untuk kepentingan rakyat.

Pada masa ini Kerajaan telah menyediakan alat ultra-sound dan dialisis di beberapa hospital Kerajaan termasuk beberapa Hospital Daerah. Hospital-hospital Daerah yang lain akan dibekalkan dengan peralatan di atas mengikut keperluan dari masa ke masa. Buat masa ini Pusat-pusat Kesihatan di luar bandar ada menggunakan alat glucometer bagi mengesan gula dalam darah. Alat ini boleh didapati di Pusat-pusat Kesihatan Besar dan setengah-setengah Pusat Kesihatan Kecil.

Bagi kes-kes yang perlu disahkan kandungan gula dalam darah, mereka dirujuk ke Hospital-hospital Kerajaan bagi pemeriksaan selanjutnya. Walau bagaimanapun, kemudahan mengadakan alat-alat yang canggih akan dikaji dari masa ke masa sama ada alat tersebut perla digunakan pada masa akan datang.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Setiausaha Parlimen yang berkenaan, setakat ini berapakah Pusat Kesihatan Besar dan Kecil di seluruh negara dibekalkan alat ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka berkenaan dengan Pusat Kesihatan Kecil, walau bagaimanapun, saya hanya ada Hospital Daerah. Jika hendak, saya boleh berikan secara bertulis.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta apabila ada soalan seperti ini pada lain-lain masa, Kementerian dan Setiausaha Parlimen yang berkenaan harus berhati-hati. Sepanjang yang saya ketahui, kebanyakan Pusat-pusat Kesihatan Besar dan Kecil di seluruh negara tidak dibekalkan alat berkenaan. Jadi, apa yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen ini adalah bercanggah. Saya tidak tabu sama ada Setiausaha Parlimen ini tidak faham apakah jenis alat-alat itu. **[Tiada jawapan]**

PEMBANTU RUMAH ASING BERAGAMA ISLAM - ISU

10. Tuan Foo Boon Liang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa memandangkan isu pembantu rumah rakyat asing yang beragama Islam yang bekerja dengan majikan bukan Islam kini hangat diperbincangkan oleh masyarakat, adakah Menteriannya bercadang untuk membenarkan agensi-agensi tertentu membawa masuk pembantu rumah dari negeri Thailand, Hong Kong atau China untuk melegakan permintaan bakal majikan bukan Islam sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pembantu-pembantu rumah asing beragama Islam boleh bekerja dengan maaa-mana majikan mengikut pilihan mereka. Jadi, soal isu ini hangat diperbincangkan tidaklah benar. Kementerian Dalam Negeri cuma meminta majikan memberi kemudahan bagi mereka menghayati rukun-rukun Islam. Sekarang iai pembekalan pembantu rumah dari Filipina dan Indonesia mampu memberi keperluan bagi perkhidmatan tersebut.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Tang di-pertua, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi penerangan kursus bagi pembantu rumah khususnya daripada Indonesia ini yang rata-rata beragama Islam supaya mereka tidak melakukan apa-apa yang bercanggah dengan Islam?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, selalunya bukan negara yang menerima yang harus memberi kursus khas kepada pembantu-pembantu rumah ini. Kursus ini sepatutnya dilakukan oleh negara-negara di mana mereka datang. Saya mendapat tahu dan saya pernah melawat bahawa ada beberapa pusat kursus khas bagi pembantu-pembantu rumah Indonesia di Indonesia sendiri di mana kursus-kursus ini ditentukan kalau untuk Timur Tengah, ada kursus khas, kalau untuk Malaysia, ada kursus khas dan kursus-kursus ini termasuklah cara-cara menggunakan alat-alat moden, cara-cara budaya negara tersebut termasuklah hal-hal agama dan undang-undang di mana mereka akan ditugaskan.

JEREBU - LANGKAH MENGATASI

11. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sebab-sebab wujud jerebu 'back-ground' yang meliputi bandar-bandar Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam dan Kelang baru-baru ini;
- (b) sama ada jerebu 'back-ground' itu boleh menjadi 'smog' sebagaimana yang berlaku di California, Amerika Syarikat pada tahun lapan puluhan; dan
- (c) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan dan orang ramai untuk mengawal jerebu 'back-ground' itu

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. [Tuan Law Hieng**Ding]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan udara berjerebu yang wujud di Malaysia termasuk bandar-bandar Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Kelang baru-baru ini adalah berpunca dari dua faktor, iaitu faktor luaran dan faktor dalaman.

Faktor luaran adalah kejadian kebakaran hutan yang berlaku di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia. Dalam Kejadian ini biasanya berlaku keadaan cuaca yang kering dan tiupan angin barat daya yang membawa debu dan asap dari kawasan kebakaran ke kawasan Malaysia.

Faktor dalaman, iaitu pelepasan asap dari kenderaan bermotor, aktiviti perindustrian, kegiatan pembakaran terbuka dari tempat-tempat pelupusan sampah sarap serta aktiviti pembukaan tanah baru turut memberi kesan kepada keadaan berjerebu ini terutamanya apabila udara didapati stabil dan tidak mampu membawa debu dan asap ke kawasan-kawasan lain.

- (b) Daripada laporan mengenai kejadian "L.A. Smog" yang berlaku di California, Amerika Syarikat adalah berpunca dari pelepasan gas-gas pencemar yang berlebihan dari kenderaan-kenderaan bermotor. Gas-gas pencemar tersebut adalah seperti Ozon (O₃) dan Nitrogen Dioksid (N₂O).

Pada masa keadaan berjerebu berlaku baru-baru ini, paras gas-gas pencemar di atas berada dalam keadaan terkawal. Sebahagian besar udara berjerebu tersebut terdiri dari kandungan habuk terampai. Oleh yang demikian, pihak Kementerian berpendapat kejadian "L.A. SMOG" tidak serupa dengan kejadian berjerebu di negara ini.

(c) dalam usaha untuk mengawal keadaan berjerebu ini, pihak Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa induk mengenai jerebu yang dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan. Di bawah jawatankuasa ini, 3 Kumpulan Kerja telah dibentuk iaitu:

- (1) Kumpulan Kerja untuk mengenalpasti punca-punca jerebu;
- (2) Kumpulan Kerja untuk mengkaji kesan-kesan jerebu terhadap kesihatan dan ekonomi; dan
- (3) Kumpulan Kerja untuk membentuk strategi Kawalan Jerebu.

Sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan sedang berusaha untuk mengetatkan lagi undang-undang terhadap kawalan aktiviti pembakaran terbuka, pelepasan asap dari kenderaan bermotor dan juga industri-industri.

Manakala orang ramai pula dinasihatkan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka terutamanya ketika keadaan berjerebu demi mengelak keadaan menjadi bertambah serius.

Orang ramai juga digalakkan supaya menggunakan kenderaan awam atau berkongsi kenderaan atau car-pool, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk ke tempat kerja atau lain-lain destinasi.

Puan Law Jack Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. [Ketawa]

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat saya belum habis lagi. [Ketawa]

Sebagai langkah jangka panjang, pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan berkesan iaitu Mass Rapid Transport, dengan izin, atau MRT bagi mengurangkan kesesakan jalanraya dan pencemaran udara.

Pihak Kementerian memang sedar bahawa pelepasan gas-gas pencemar dari kenderaan bermotor akan terus meningkat dengan bertambahnya bilangan kenderaan. Oleh itu langkah Kerajaan untuk menggantikan sumber bahan bakar yang digunakan sekarang iaitu minyak petrol kepada gas asli dalam kegiatan ekonomi dan pengangkutan pada masa-masa hadapan akan mengatasi sebahagian. besar masalah pencemaran udara di negara ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir jawapan tambahan itu sudah menjadi jawapan kepada soalan tambahan tadi.

Puan Law Jack Yoon: Ada sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sedikit lagi.

Puan Law Jack Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Soalan tambahan saya ialah untuk mengurangkan ancaman kesihatan kepada rakyat apakah akan dilakukan oleh Kementerian misalnya memperkenalkan atau menasihati orang ramai memakai penutup mulut seperti yang digunakan oleh doktor-doktor?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu Kementerian boleh mengambil perhatian dan juga saya akan menyampaikan cadangan Ahli Yang Berhormat itu kepada Kementerian Kesihatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan pencemaran udara sekarang belum sampai ke tahap itu yang terpaksa memakai apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Terima kasih.

DUTA/PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA - KEPERIBADIAN ISLAM

12. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Duta-duta/Pesuruhjaya Tinggi-Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang beragama Islam di seberang laut diberi kursus dakwah Islamiah dari masa ke masa supaya mereka dapat mencerminkan keperibadian Malaysia yang mana agama rasminya ialah Islam dan jika belum bila usaha baik ini hendak diadakan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya Kementerian ini tidak pernah menganjurkan kursus dakwah Islamiah bagi Duta-duta Besar/Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang beragama Islam di luar negeri.

Walau bagaimanapun Perwakilan Malaysia di luar negeri dibekalkan dengan risalah-risalah dan bahan-bahan bacaan keagamaan yang dikeluarkan oleh Pusat Islam dari semasa ke semasa untuk makluman dan panduan mereka mengenai hal-hal keagamaan.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, Pemuda UMNO baru-baru ini membangkitkan soal jamuan arak yang dijamu oleh Duta kita di Amerika Syarikat kepada perwakilan asing yang hadir ke rumah beliau dan juga kepada jemputan-jemputan yang beragama Islam. Jadi apakah tindakan yang dibuat oleh Wisma Putra terhadap aduan Pergerakan Pemuda UMNO ini? Terima kasih.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Yang Berhormat, Kementerian Luar Negeri telahpun mengambil perhatian tentang perkara tersebut dan kini semua Ketua-ketua Perwakilan di luar negeri telahpun diberi nasihat dan arahan supaya perkara yang sama tidak akan berulang lagi di masa-masa akan datang.

PROJEK INDUSTRI PENERBANGAN DI LANGKAWI

13. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Kewangan menyatakan berkenaan Projek Industri Penerbangan di Langkawi:

- (a) jumlah modal yang terlibat dalam projek **ini**;
- (b) selain daripada British Aerospace akan menyertai projek ini adakah lain juga memberi komitmen untuk menyertainya; dan
- (c) apakah hasil yang akan dinikmati oleh seluruh rakyat apabila projek ini dijalankan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, berikutan pertunjukan-pertunjukan Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi 1991 atau dengan izin, LIMA '91 yang telah berlangsung dari 11hb hingga 15hb November yang baru lalu di Langkawi, beberapa syarikat seperti British Aerospace dan Eagle Aircraft dari Australia telah menunjukkan minat untuk menubuhkan projek Industri Penerbangan di Langkawi. Walau bagaimanapun, setakat ini belum dapat ditentukan commitment, dengan izin, daripada syarikat-syarikat berkenaan daripada segi modal dan skop projek. Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Langkawi akan memberi kerjasama dan bantuan yang diperlukan dalam menjayakan projek yang dirancangkan itu.

Projek Industri Penerbangan seperti yang disebutkan, jika dilaksanakan sudah tentu dapat memberi faedah yang besar kepada penduduk tempatan khasnya dan Malaysia amnya dari segi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, peluang-peluang perniagaan dan pemindahan teknologi.

GURU SEMERTARA SRJK (TAMIL)

14. Tuan C. Krishnan minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah benar guru-guru sementara di SRJK (Tamil) melebihi 40% daripada jumlah guru-guru terlatih:

- (a) sekiranya benar, ini merupakan salah satu perkara yang menyebabkan kemerosotan keputusan UPSR di sekolah-sekolah berkenaan;

- (b) apakah tindakan untuk mengatasi kekurangan guru terlatih untuk sekolah-sekolah ini; dan
- (c) adakah Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan latihan khas untuk guru-guru yang belum terlatih.

Tinbalan Menteri Pendidikan [Dr Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil atau SRJK(T) dan juga lain-lain sekolah di negara ini sememangnya menghadapi masalah kekurangan guru-guru terlatih. Walau bagaimanapun, masalah kekurangan guru terlatih di SRJK(T) tidak pula mengakibatkan guru sandaran tidak terlatih melebihi sehingga 40% guru-guru terlatih. Nisbah kekurangan guru sandaran tanpa latihan di SRJK(T) berbanding dengan guru terlatih adalah 2:5. Ini bermakna masih terdapat 28.5% guru sandaran tanpa latihan di SRJK(T).

Kementerian Pendidikan telah berusaha untuk mengatasi kekurangan guru terlatih bagi SRJK(T) dengan menambah bilangan pengambilan calon guru-guru pelatih untuk mengikuti Kursus Pengajian Tamil di maktab-maktab perguruan. Antara tahun 1985 hingga 1991, bilangan calon yang diterima masuk ke Maktab Perguruan untuk mengikut Kursus Pengajian Tamil telah ditingkatkan dari 32 orang pada tahun 1985 kepada 374 orang pada tahun 1991. Sungguhpun begitu, kekurangan guru terlatih di SRJK(T) tidak akan dapat diatasi

dengan segera kerana setiap latihan perguruan mengambil masa selama 2½ tahun.

Bagi guru-guru sandaran tanpa latihan yang memenuhi beberapa syarat tertentu akan diberi keutamaan memasuki Maktab Perguruan.

Tuan C. Krishnan: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berbormat Timbalan Henteri membandingkan keputusan UPSR tahun yang lalu dan tahun 1990. Bolehkah beliau beritahu Dewan yang mulia ini, mengikut keputusan UPSR di SRJK(T) telah meningkat atau tidak meningkat?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak ada berhubungan dengan soalan yang asal.

PERSIDANGAH PARLIMEN - SIARAN SECARA LANGSUNG

15. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyiarkan secara langsung melalui televisyen, persidangan Parlimen Malaysia sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara untuk memberi peluang kepada rakyat mengikuti sama suasana kedua-dua persidangan tersebut, kalau tidak kenapa?

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]:

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah bercadang untuk menyiarkan siaran persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara secara langsung. Kerajaan sedar bahawa walaupun rakyat berhak mengetahui perkembangan yang berlaku dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara, tetapi Kerajaan berpendapat dengan mengadakan siaran melalui Berita dengan mengadakan still photo ataupun gambar diam meliputi berita-berita yang berlaku sepanjang persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat adalah mencukupi.

SKIM PINJAMAN KHAS KEPADA PETANI

16. Tuan Haji Saidin bin Mohamad minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan mengeluarkan bantuan pinjaman wang modal atau SPKP bagi petani-petani luar MADA dengan dikenakan kadar faedah 4% setahun memandangkan projek padi berkelompok baru mula ditingkatkan keluasannya dan bagi menggalakkan projek tersebut dapat diteruskan sehingga petani-petani dapat berdikari dengan sebenarnya; dan

- (b) adakah Kerajaan akan memberi kuota khas kepada Pertubuhan Paladang bagi mendapatkan projek-projek IADP tanpa masuk tender bagi membolehkan Pertubuhan Peladang lebih aktif dalam penerokaan Peladang Usahawan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Skim Pinjaman Khas Pertanian diperkenalkan pada tahun 1986. Pemberian ini termasuk kepada petani, penternak dan nelayan di kawasan MADA dan luar MADA. Walau bagaimanapun, mulai dari 25hb Oktober, 1991 Bank Pertanian Malaysia sudah tidak lagi menerima peruntukan di bawah Skim SPKP bagi disalurkan kepada para petani, penternak dan nelayan. Sungguhpun begitu, pihak Bank Pertanian Malaysia masih lagi meneruskan pembiayaan pinjaman-pinjaman SPKP dari sumber dan Tabung Pembangunan ASEAN-JEPUN (AJDF) dan sumber dana komersial. Penggunaan sumber-sumber dana ini akan digunakan sehinggalah peruntukan baru SPKP diterima dari Kerajaan. Bagi maksud pembiayaan pinjaman SPKP boleh dipertimbangkan untuk dibiayai di bawah Skim Pinjaman AJDF tertakluk kepada pinjaman-pinjaman berkenaan layak serta memenuhi syarat AJDF iaitu dengan kadar faedah sebanyak 6.5% setahun.

- (b) Buat masa ini belum ada dasar untuk mewujudkan kuota khas di dalam pengecualian memasuki tender kepada Pertubuhan Peladang. Walau bagaimanapun, pertimbangan yang sewajarnya memang diberi kepada pertubuhan-pertubuhan peladang yang memasuki tender.

MASKOT ORANG UTAN - TAHUN MELAWAT MALAYSIA

17. Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah Maskot Orang Utan akan diubah kerana kurang menarik di luar negeri.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Pada masa ini, Kerajaan tidak raempunyai rancangan untuk menukar Maskot Orang Utan kerana dari maklumat yang diterima, Maskot ini sangat digemari oleh para pelancong asing. Ini jelas terbukti daripada kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan semasa menganjurkan kempen Tahun Melawat Malaysia dalam tahun 1990. Penggunaan Maskot ini serta kempen-kempen galakan yang dianjurkan oleh Kerajaan khususnya oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan atau TDC itu memperkenalkan Malaysia di seluruh dunia sebagai destinasi pelancongan yang utama di rantau ini.

PEGAWAI PERUBATAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA - KEKURANGAN

18. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah doktor dalam Angkatan Bersenjata mencukupi bagi memberi perkhidmatan kesihatan. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah lama mengalami masalah kekurangan Pegawai Perubatan. Walau bagaimanapun, keadaan tersebut tidaklah sampai menjejaskan mutu perkhidmatan di dalam memberi rawatan perubatan kepada anggota-anggota tentera yang memerlukannya. Sukacita saya memaklumkan kedudukan perjawatan Pegawai Perubatan dewasa ini adalah seperti berikut:

Perjawatan - 240

Pegangan - 149

Kekosongan - 91

Untuk mengatasi masalah kekurangan Pegawai Perubatan di dalam ATM, beberapa langkah awal telah diambil oleh Kementerian Pertahanan. Di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Jabatanarah Kesihatan telah membuat perbincangan dengan Kementerian Kesihatan untuk menambahkan lagi bilangan Pegawai Perubatan yang diambil pada setiap tahun menerusi perkhidmatan wajib.

- (ii) Mengambil Pegawai Perubatan dari luar negeri. Perbincangan awal telah dipersetujui untuk mendapatkan khidmat seramai 8 orang Pegawai Perubatan dan seorang pakar dari negara Bangladeah bagi berkhidmat di dalam Kor Kesihatan, ATM. Sekiranya tiada apa-apa halangan, Pegawai-pegawai Perubatan tersebut akan mula berkhidmat di dalam Kor Kesihatan mulai awal tahun 1992.
- (iii) Kementerian Pertahanan juga telah membuat perbincangan dengan Kerajaan Pakistan untuk mendapatkan khidmat Pegawai perubatan seramai 13 orang termasuk 3 orang pakar. Walau bagaimanapun, setakat ini Kementerian Pertahanan belum lagi menerima kata putus dari Kerajaan Pakistan.
- (iv) Membiayai skim biasiswa perubatan untuk pengajian lepasan ijazah.

SOALAN NOMBOR 19

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan David Yeoh Eng Hock telah menarik balik soalnya.

SAMPAH-SARAP PERBANDARAN - PROGRAM GUNASEMULA

20. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) jumlah tan sampah yang dikumpulkan setiap tahun;
- (b) berapa peratus sampah itu yang boleh diguna-semula;
- (c) sejauh manakah Projek Bumiku telah mencapai matlamatnya; dan
- (d) bagaimana Kerajaan boleh membantu pihak VRDO (Volunteer Resources Development for Recycling) menunjuk kepada orang ramai cara mengasingkan sampah-sarap supaya setengahnya boleh diguna-semula.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut kajian yang dibuat oleh Kementerian pada tahun 1988, sejumlah 1.2 juta tan setahun sampah-sarap atau sisa-sisa perbandaran telah dipungut oleh Pihak-Pihak berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia. Jumlah ini dijangka meningkat sehingga 2.2 juta setahun pada tahun 1991.
- (b) Daripada jumlah sampah-sarap yang dikeluarkan, sebanyak 25% dijangkakan boleh digunsemula seperti bahan-bahan plastik, logam, kertas, aluminium dan gelas.
- (c) Program Gunasemula Kebangsaan yang dipanggil Projek Bumiku baru sahaja dilancarkan pada 22.10.1991. Shah Alam merupakan bandar yang pertama dalam melaksanakan projek ini. Oleh kerana kejayaan program ini bergantung sepenuhnya kepada sokongan orang ramai, maka adalah amat perlu agar pendidikan dan kefahaman yang sepenuhnya diberikan kepada mereka. Sehubungan dengan itu, Majlis Perbandaran berkenaan sedang menyusun dan giat melaksanakan program pendidikan dan kesedaran di kalangan penduduk-penduduk dan pelajar-pelajar sebelum projek sebenar dilaksanakan. Program pendidikan

ini memerlukan jangkamasa dua hingga tiga bulan, dan justeru itu kutipan sampah yang diasingkan dijangka akan dapat dimulakan pada penghujung tahun ini.

- (d) VRDO adalah Pertubuhan sukarela yang telah **ber-**setuju untuk membantu Kerajaan dalam melaksanakan Program Gunasemula ini. Di peringkat tempatan, setiap Majlis Perbandaran akan memberi segala sokongan yang diperlukan oleh Pertubuhan tersebut. Maklumat mengenai cara pelaksanaan, perkara yang harus dibuat, jadual pengutipan akan dihantar ke setiap rumah beserta dengan surat peribadi dari Yang di-Pertua sendiri. Di samping itu, Jabatan Pendidikan tempatan telah juga disaran untuk membantu pihak VRDO dalam menjalankan program pendidikan di sekolah-sekolah. Jabatan Penerangan juga adalah sebuah agensi Kerajaan yang amat berpotensi dalam menyampaikan maklumb-maklumat kepada orang ramai dan untuk itu beberapa program telah disusun untuk disiarkan melalui radio tempatan supaya mesej ini benar-benar sampai kepada semua lapisan masyarakat.

SISDIKET WANG PALSU DAH KAD KREDIT

21. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil siasatan Polis Bahagian Jenayah Perdagangan berhubung dengan jenayah sindiket mencetak wang palsu dan kad kredit yang menjadi-jadi sekarang dan;

- (a) berapa jumlah kes wang palsu yang dapat ditangkap dan didakwa sekitar tahun 1989, 1990, 1991; dan
- (b) nilai wang kertas yang manakah yang banyak dipalsukan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi jenayah yang melibatkan kad kredit, dalam tahun 1990, Polis telah membuat 32 tangkapan, yang mana 20 dari tangkapan tersebut telah didakwa. Dari bulan Januari hingga November tahun ini pula seramai 79 orang telah ditangkap yang mana melibatkan 33 dakwaan.

- (a) Bagi jenayah pemalsuan wang pula pada tahun 1989, Polis telah membuat 35 tangkapan yang melibatkan 5 dakwaan, tahun 1990 30 tangkapan dan dua dakwaan, manakala tahun 1991 59 tangkapan dan 3 dakwaan.
- (b) Nilai wang kertas denominasi \$50.00 dan \$100.00 dipercayai banyak dipalsukan.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' William Ghek Lin Kwai .

Tuan Foo Boon Liang: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.22.

JELAPANG PADI - KELUASAN

22. Tuan Foo Boon Liang [di bawah S.O 23(2)] minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada benar tanaman padi dalam negara kita akan dihadkan kepada 210,000 hektar supaya subsidi oleh Kerajaan disalurkan kepada projek-projek yang lebih mementingkan negara;
- (b) jika ya, sila beritahu keluasan tanah dari segi hektar mengikut pecahan setiap negeri;
- (c) adakah rakyat digalakkan untuk mengurangkan memakan makanan yang mengandungi ketinggian zat protein; dan
- (d) apakah implikasi sosial, ekonomi dan budaya jika cadangan ini diimplementasikan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, adalah tidak benar tanaman padi di dalam negara ini akan dihadkan kepada 210,000 hektar sahaja. Kawasan seluas 210,000 hektar adalah sebenarnya keluasan jelapang padi negara yang telah disediakan kemudahan perairan yang moden sehingga boleh ditanam dua kali setahun.
- (b) Keluasan tanah jelapang padi negara mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Kedah dan Perlis	-	77,090 hektar
Pulau Pinang	-	13,000 hektar
Perak	-	39,568 hektar
Selangor	-	19,022 hektar
Terengganu	-	5,100 hektar
Kelantan	-	38,807 hektar

(c) Adalah tidak benar rakyat digalakkan untuk mengurangkan memakan makanan yang mengandungi ketinggian zat protein sebaliknya rakyat adalah digalakkan memakan makanan yang mengandungi ketinggian zat protein di samping makanan yang berkhasiat tinggi, kurang kolestrol dan lain-lain. Galakan ini adalah penting bagi penduduk negara ini bagi menjamin kesihatan dan kecergasan otak supaya selaras dengan kemajuan negara menuju Wawasan 2020.

(d) Kerana cadangan ini tidak dilaksanakan, maka implikasi ekonomi, sosial dan budaya tidak timbul.

KILANG PENAPIS MINYAK, YAN, KEDAH - STATUS

23. Tuan Saad bin Haji Man minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan tentang status cadangan Kerajaan untuk mendirikan kilang penapis minyak di daerah Yan, Kedah dan apakah kepentingan Kerajaan ke atas projek ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek kilang penapis tersebut adalah satu projek yang dicadangkan oleh pihak swasta dan Kerajaan tidak mempunyai apa-apa kepentingan di dalam projek berkenaan.

Mengikut rekod Kementerian, satu lesen pengilang telah diluluskan kepada sebuah syarikat yang berkuatkuasa mulai 6 Februari 1990 bagi mengeluarkan liquified petroleum gas, propylene, motor gasoline, dual purposes kerosene, gas oil ataupun diesel, fuel oil

dan sulfur, dengan izin. Oleh kerana syarikat tidak menunjukkan tanda-tanda untuk memulakan pembinaan loji penapis tersebut, maka Kementerian telah membatalkan lesen pengilang syarikat melalui surat bertarikh 26hb Julai 1991 setelah meminta syarikat memberikan alasan-alasan melalui surat show-cause, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang akhir sekali.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, apakah lesen baru telah dikeluarkan kepada mana-mana pihak yang lain?

Tuan S.S. Subramanian: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada permohonan baru di atas perkara ini.

SISTEM PENDIDIKAN PRA-SEKOLAH - PENYELARASAN

24. Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk memastikan supaya diselaraskan sistem pendidikan pra-sekolah, kerana masih banyak terdapat tadika yang bebas dari kurikulum yang digaris-pandukan oleh Kementerian Pendidikan;
- (b) apakah langkah-langkah kekal yang diambil untuk menentukan agar jiwa anak-anak yang dilentur dalam pendidikan pra-sekolah tidak dikiblatkan dan dita'asubkan dengan kumpulan politik dan harakah tertentu; dan
- (c) sejauh mana keberkesanan usaha memberikan latihan formal kepada guru-guru pra-sekolah.

Dr. Fong Chan Oon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malayaia telahpun menyediakan kurikulum pendidikan pra-sekolah berdasarkan kepada garis panduan pra-sekolah. Dalam kurikulum itu,

terkandung bahan-bahan teras yang dinamakan pual pendidikan pra-sekolah. Semua pra-sekolah annex Kementerian Pendidikan wajib mengikuti kurikulum tersebut. Agensi-agensi Kerajaan seperti KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara telahpun menggunakan kurikulum tersebut manakala sekolah-sekolah swasta juga adalah digalakkan menggunakan kurikulum pra-sekolah Kementerian Pendidikan.

Bagi menjamin pendidikan jiwa anak-anak dilentur supaya taat kepada negara, kurikulum pra-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia telah memasukkan aspek-aspek ketaatan kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan, Raja, pemimpin negara, ibu bapa dan guru. Anak-anak juga diasuh supaya taatsetia kepada negara Malaysia.

Kurikulum tersebut juga telah menekankan aspek nilai-nilai murni supaya anak-anak dapat menimbangkan perkara-perkara yang baik dan buruk. Kementerian Pendidikan Malaysia adalah berhak membuat penyeliaan ke atas pra-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia dari masa ke semasa agar tidak wujud gejala-gejala negatif diterapkan kepad para pelajar.

Bahagian pendidikan sekolah iaitu Bahagian Pendidikan Guru telahpun melatih 1,500 orang guru terlatih untuk pendidikan pra-sekolah. Dari masa ke semasa bengkel-bengkel dan kursus pendidikan pra-sekolah telah diadakan dan dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri, Bahagian Pendidikan Guru dan Pusat Perkembangan Kurikulum.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Tan Gim Hwa.

Datuk Tan Gim Hwa: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6.

GURU SANDARAN - SYARAT MENGIKUTI LATIHAN PERGURUAN

6. Dato' Tan Gim Bwa minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan akan membenarkan guru-guru sandaran yang tidak mempunyai kredit dalam Bahasa Malaysia untuk menjalani latihan dan pada masa yang sama, menyediakan mereka dengan kursus Bahasa Malaysia wajib di Maktab Perguruan supaya guru-guru sandaran ini dapat mengikuti kursus latihan dan kuraus Bahasa Malaysia dalam masa yang sama di Maktab Perguruan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk membenarkan calon-calon yang tidak memiliki sekurang-kurangnya kepujian dalam Bahasa Malaysia serta lulus ujian lisannya di peringkat SPM/MCE/SPVM untuk mengikuti program latihan perguruan. Semua guru sandaran perlu mendapatkan kepujian Bahasa Malaysia sebelum mengikuti kursus perguruan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 25 hingga 56 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA [PINDAAN]****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Uruaan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [16hb Disember, 1991]

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahii Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak menyambung ucapannya.
3.36ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 di dalam pindaan Rang Undang-undang ini amat baik sekali kerana ia memberi pandangan yang luas terhadap orang-orang tanggungan dan ini membuktikan kepada kita bahawa dasar masyarakat penyayang sentiasa diikuti dan sentiasa diingat oleh Kerajaan.. Saya memuji Kerajaan terhadap pindaan seumpama ini.

Fasal 8 di dalam pindaan ini juga meluaskan bidang kuasa pemeriksa-pemeriksa yang dilantik di bawah akta ini tetapi saya ingin bertanya, apakah tugas-tugas mereka itu? Adakah mereka diberi peluang untuk memberi penerangan-penerangan dan juga menkompaun syarikat-syarikat yang tidak mengikuti kehendak-kehendak Akta ini? Ini paling penting, Tuan Yang di-Pertua, ialah syarikat-syarikat kecil, industri-industri kecil yang baru dibuka tidaklah seharusnya didenda dengan begitu sahaja. Syarikat-syarikat tersebut perlu

diberi nasihat atau diberi bimbingan kerana ianya baru hendak maju dan jika sedikit sebanyak syarikat tersebut tidak mengikut kehendak-kehendak Akta ini, maka mereka haruslah diberi nasihat dan dimaafkan sebelum apa-apa tindakan diambil. Diperhatikan bahawa kadangkala pemeriksa-pemeriksa yang sebegitu strict sekali mengikut Akta yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta ini juga disebutkan bahawa telah dibolehkan supaya seorang ibu yang menjadi balu selaku orang tanggungan sekunder di bawah akta berhak mendapat faedah-faedah orang tanggungannya. Masalahnya ialah kadangkala pembayaran dan penyiasatan lewat dibuat dan saya berharap bahawa pertubuhan ini akan menyegerakan segala permohonan yang dibuat.

Lembaga Perubatan yang dilantik oleh PERKESO ini begitu banyak jumlahnya di kawasan bandar-bandar yang besar. Ini kemungkinan boleh terjadi kerana di bandar-bandar besarlah banyak kilang-kilang tetapi jika bilangan itu banyak sangat, maka competition di antara klinik-klinik itu amat kuat sekali dan sehinggakan tidak memberi khidmat yang memuaskan. Oleh itu, saya harap bahawa pertimbangan harus diberi supaya tidak ramai sangat diberi sebagai Ahli Lembaga Perubatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebajikan pekerja-pekerja juga disebut di dalam Akta ini seperti memberi kemudahan-kemudahan rekreasi kepada pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat pertubuhan, pinjaman untuk staff juga diberi mengikut apa yang diberi oleh Kerajaan.

Saya ingin bertanya sama ada kemudahan ini senang diperolehi oleh pegawai-pegawai berkenaan ataupun tidak.

Fasal 38 membolehkan orang tanggungan yang berhak mendapat faedah-faedah di bawah Akta diberi pampasan di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 jika kematian orang yang berinsurans disebabkan oleh bencana kerja yang dialami sebagai pekerja. Ini diperhatikan ada dua bentuk pampasan satu daripada PERKESO dan satu daripada Pampasan Pekerja mengikut Akta Pampasan Pekerja 1952. Saya ingin bertanya yang manakah yang lebih tinggi pembayarannya?

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perhatikan bahawa di dalam Fasal 42 memberi kuasa kepada Pertubuhan untuk berurusan secara langsung dengan orang berinsurans atau orang tanggungannya atau mana-mana orang yang diberi kuasa sahaja. Ini adalah untuk menghalang mana-mana orang lain membuat apa-apa tuntutan bagi pihak orang berinsurans atau orang tanggungannya untuk kepentingan dirinya itu sendiri. Pertubuhan ini kalau boleh memberikan kemudahan ini supaya ianya senang diuruskan. Apa yang dimaksudkan ialah segala claim yang dibuat oleh seorang yang berinsurans itu kadangkala diminta diuruskan melalui seorang peguam dan sebagainya dan ini akan melambatkan segala urusan-urusan dengan pertubuhan ini. Saya syorkan semoga jika orang yang berinsurans itu berurusan dengan pertubuhan ini, berurusan terus dengan pertubuhan dan kalau boleh PERKESO memberikan khidmat seorang Kerani baginya untuk menjalankan tuntutannya itu sebagai satu perkhidmatan yang lebih daripada biasa diberi. Kebanyakan pejabat-pejabat Kerajaan apabila berurusan tentang

perkara seumpama ini biasanya membiarkan seseorang itu menjalankan tuntutan daripada segi mana yang dia boleh. Kalau orang itu ada sedikit wang bagi dirinya bolehlah meminta pertolongan daripada orang yang mengerti atau seorang peguam dan sebagainya. Tetapi pekerja-pekerja kilang ini adalah orang yang berpendapatan rendah dan biasanya orang yang tidak berpengetahuan begitu tinggi, cuma lulusan SRP dan sebagainya, maka ada baiknya jika pertubuhan ini meluaskan sedikit perkhidmatannya dan memberikan seorang Kerani untuk menjalankan tuntutan-tuntutannya apabila dibuat kemudian kelak.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menegur tentang Pegawai Buruh membuat lawatan ke kilang-kilang tidak sempat berjumpa dengan pekerja-pekerja. Tetapi apa yang banyak berlaku bahawa mereka ini menjalankan tugas mereka dengan sempurna dan baik, kemungkinan maha untuk memberi penerangan tentang PERKESO ini tidak sempat dan tidak ada masa baginya dan juga bagi pekerja. Apa yang lebih penting agak saya adalah supaya kesatuan sekerja mengambil peranan ini. Kita berduka cita kesatuan sekerja di dalam negara kita ini tidak mengambil berat tentang perkara-perkara seumpama ini. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Kerajaan sama ada usaha-usaha dibuat memberitahu kepada kesatuan-kesatuan sekerja ini supaya mengambil peranan yang lebih aktif di dalam perkara-perkara PERKESO ini. Kita tidak mahu mereka itu membuat tuntutan-tuntutan yang sebegitu tinggi, sebegitu berat untuk syarikat-syarikat berkenaan memberikan kepada pekerja-pekerja tetapi segala kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh syarikat-syarikat berkenaan tidak diberitahu. Agak

saya adalah menjadi tanggungjawab kesatuan-kesatuan sekerja itu supaya meluaskan skop perkhidmatan mereka kepada ahli-ahli mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya menyokong Rang Undang-undang ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hajah Rogayah.

3.46 ptg.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 - dalam huraian, di Fasal 2 bertujuan meminda tajuk panjang Akta untuk mengadakan peruntukan bagi suatu bidang yang lebih luas bagi Skim Keselamatan Sosial. Di Fasal 3 meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan suatu takrif baru bagi orang-orang tanggungan di samping mentakrifkan perkataan "Kumpulanwang". Di Fasal 4 meminda seksyen 3 yang merangkumi perlindungan ini kepada industri yang mempunyai walaupun seorang pekerja hingga ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, tenaga pekerja adalah satu aset negara. Sekiranya pekerja-pekerja ini diberi perlindungan yang sewajarnya, maka negara kita tidak akan menghadapi masalah sekiranya hasrat kita untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara industri yang mantap. Bilamana masalah pekerja ini dilindungi dan diambil perhatian oleh Kerajaan sendiri dengan mengambil kira segala penggunaan teknologi yang tinggi dan yang canggih yang berkemungkinan juga mempunyai risiko bahaya yang tinggi dengan menghadapi bahaya ini. Apabila perlindungan keselamatan pekerja diperketatkan berkemungkinan kesan bahaya itu akan memakan masa yang lama atau mereka ini terdedah dalam bahaya yang berterusan yang boleh

melumpuhkan atau hilang daya ingatan atau kecederaan yang boleh dilihat secara kasar atau segera.

Saya yakin dan percaya sekiranya pihak pekerja sendiri diberi maklum dan boleh memahami hasrat. Kerajaan sentiasa akan melindungi mereka kerana seperti yang saya katakan tadi, pekerja adalah aset negara yang mulia. Sekiranya para pekerja-pekerja bekerja dengan penuh yakin dan gigih, maka pengeluaran atau hasil yang diusahakan akan berlipat ganda yang mana akan dinikmati oleh semua. Bagi pelarasan peraturan-peraturan dan perlindungan pekerja dikemas-kinikan, di bawah perlindungan Akta Sosial Pekerja yang diluluskan **ini**, kita yakin dan percaya mereka yang layak dan akan terus bekerja memberi sumbangan kepada negara ini tidak akan meragui untuk terus menyumbang dan adalah wajar kebajikan pekerja diberi perhatian serius kerana mereka yang berpendapatan \$2,000 ke bawah yang menjadi nadi dan akar umbi kepada pembangunan kesejahteraan dan kemakmuran kita semua. Para pekerja sekarang rata-rata yang tahu menulis dan membaca bahkan bagi mereka yang mempunyai kelulusan tinggipun berkemungkinan akan mengambil pengalaman daripada bekerja sebagai pekerja di bawahan kerana mereka ini kemungkinan di satu hari berminat untuk berdikari.

Jadi, dengan perlindungan-perlindungan yang kita beri, insya Allah berkemungkinan kita akan meletakkan asas kepada pekerja-pekerja kita dan memberi mereka sesuatu kekuatan untuk terus memberi sumbangan bakti kepada negara.

Dengan cara perhatian yang baik ini, motivasi tinggi pekerja memberi manfaat yang bermakna dan mewujudkan masyarakat pekerja yang baik seolah-olah sesuatu yang baik itu akan memberi kesan kebaikan juga kepada kita semua. Mudah-mudahan kelulusan Akta ini juga, mereka yang masih menganggur tidak teragak-agak untuk menjadi masyarakat pekerja. Begitu juga dengan penghijrahan tenaga pekerja kita ke negara asing boleh dielakkan, atau dibataskan terus kerana dengan perhatian kekurangan tenaga pekerja cuma adalah kerana ketidakselarasan yang kita beri atau perhatian tidak kita tentukan pada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah maklumat tidak jelas ini kerana rata-rata belia kita menghabiskan masa dengan melepak di tempat-tempat hiburan. Sekiranya saluran maklumat ini dibuat dan diselaraskan melalui sekolah-sekolah atau kolej akan peranan dan tanggungjawab sebagai pekerja yang telah dilindungi insya Allah kita boleh mengurangkan penganggur-penganggur apa lagi penganggur kehormat.

Tuan Yang di-Pertua, denga kata-kata itu saya sekali lagi nencadangkan supaya kelulusan Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial ini akan memberi manfaat kepada semua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman.

3.53 ptg.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-aama memberi sokongan kepada Akta untuk meminta Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang mengandungi 48 Fasal. Alhamdulillah, syukur saya kepada Allah s.w.t. kerana Kerajaan kita berusaha bersungguh-sungguh untuk memberi pembelaan keselamatan kepada pekerja-pekerja. Sapatutnya pindaan Akta ini sudah lama berlaku. Tetapi walau bagaimanapun saya berbanyak terima kasih kepada Kerajaan kerana sentiasa memberi perhatian berat kepada pekerja-pekerja.

Sebenarnya Islam dari awal lagi menggariskan undang-undang untuk melindungi ataupun menjamin keselamatan pekerja seperti kalau tidak silap saya kita dapati maksud Hadis yang membayangkan kepada kita bahawa majikan mesti membayar upahnya sebelum daripada peluhnya kering.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan apabila kita melihat dalam Fasal 16 dan 18 iaitu memberi peluang ataupun

pembelaan kepada balu yang mana di hari ini sepatutnya kita mengadakan pindaan Akta ini iaitu Akta Keselamatan Sosial Pekerja iui, memberi perlindungan juga kepada balu-balu yang suaminya bekerja dan berpencen dan akhirnya meninggal dunia. Dan apabila balunya berkahwin lagi, kita dapati pencennya tidak diteruskan. Ini adalah satu undang-undang yang agak kurang adil. Apa salahnya kalau kita teruskan atau jalankan pencen itu kepada balunya walaupun mereka berkahwin lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini juga kita harus melihat kepada keselamatan pekerja wanita yang mana berlaku di negara kita hari ini ada wanita-wanita yang bekerja di sebelah malam. Sepatutnyalah Kerajaan memikirkan untuk membuat sesuatu yang membolehkan pekerja-pekerja wanita bekerja dengan masa yang agak sesuai dengan wanita. Contohnya juga seperti pekerja-pekerja di estet iaitu bahagian wanita seperti penoreh getah dan sebagainya kita harus memastikan bahawa pekerja-pekerja ini dapat bekerja di tempat yang agak selamat. Kerana kita faham bahawa kedudukan wanita kita tidak boleh nafikan bukan sejajar dengan kaum lelaki.

Dan akhirnya, saya juga menyokong cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat kita kelmarin yang meminta supaya Kerajaan mengadakan satu peruntukan untuk mengadakan program-program ceramah kepada seluruh negeri-negeri yang ada di Malaysia ini kepada rakyat khususnya, kepada pekerja-pekerja sama ada di luar bandar ataupun di dalam bandar.

Dan saya tidak menafikan Kerajaan Kelantan menerima baik atau menyambut baik setiap program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan jauh sekalilah kalau ada sangkaan-sangkaan yang mengatakan bahawa Kerajaan Kelantan tidak menerima sebarang pembangunan ataupun projek yang dilancarkan oleh Kerajaan Pusat.

Dengan ini saya menyokong Akta ini dengan sepenuhnya. Terima kasih,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ho Cheng Wang.

3.57 ptg.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan atau membincangkan Rang Undang-undang ini.

Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian bahawa Rang Undang-undang **ini**, bagi diri saya sendiri saya menghadapi masalah untuk membahaskan sebab kita tiada akta-akta lama atau akta-akta sebelum pindaan. Jika kita membaca akta-akta pindaan ini kita hendak tengok bagaimana akta yang lama yang tidak tercatat dalam senarai atau buku ini. Saya harap pada masa akan datang, Tuan Yang di-Pertua, jikalau bolehlah beri akta lama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk dibandingkan.

Selain dari ini, saya ingin mendapat beberapa penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri kita supaya merujuk kepada Fasal 17 yang mengaitkan dengan seksyen 24. Adakah ini bermakna atau bererti jikalau seorang pekerja menghadapi kemalangan dalam masa bukan menjalankan tugasnya, tuntutan (claim) pekerja ini tidak dilayan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO). Pada pendapat saya, saya rasa jikalau seorang pekerja yang menghadapi kemalangan bukan dalam masa menjalankan tugasnya, ini tentu beliau tidak akan dilayan oleh Partubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (SOCSO).

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingat kita mesti menganggap bahawa tujuan SOCSO ini untuk melindungi pekerja kita demi menjamin kehidupan keluarga pekerja itu selepas beliau menghadapi kemalangan.

Oleh sebab itu, saya cadangkan supaya Pertubuhan SOCSO dapatlah meluaskan perlindungannya, yakni walaupun pekerja ini menghadapi kemalangan bukan dalam masa melaksanakan atau menjalankan tugasnya bolehlah pekerja ini menuntut faedah SOCSO, kecuali pekerja di dalam kes jenayah atau di dalam sukan yang bahaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada Fasal 31 berkaitan dengan seksyen 72. Di sini Pertubuhan SOCSO patut membenarkan pengeluaran atau memberi pinjaman-pinjaman kepada Pegawai-pegawai atau perkhidmat-perkhidmat Pertubuhan SOCSO ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan satu kelemahan iaitu dari caruman-caruman yang dikutip dari pekerja-pekerja, kita gunakan kumpulan wang ini untuk pinjaman kakitangan atau perkhidmat-perkhidmat atau Pegawai Pertubuhan SOCSO. Saya rasa ini tidak sama jikalau kita bandingkan dengan koperasi yang mengambil cagaran tetap dan selepas ini dipinjamkan kepada Lembaga Pengarah tidak sama.

Lagi sekali saya ingin menarik perhatian Kementerian bahawa merujuk kepada Fasal 37 dan Fasal 38 berkaitan dengan Seksyen 96 dan Seksyen 96A. Di sini kita ada memberi peluang kepada seorang berinsurans yang mendapat kedua-dua faedah di mana beliau boleh memilih mana faedah yang akan dinikmati. Saya rasa janganlah diberi kepada pekerja atau orang yang berinsurans ini untuk memilih mana satu faedah. Yang penting sekali, saya rasa Pertubuhan SOCSO mesti memberi satu pilihan yang memberi lebih keuntungan atau faedah kepada pekerja ini.

Akhimya, saya menyokong di atas Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Sekian.

Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali: [Bangun]

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah dahulu.

4.02 ptg.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong Rang Undang-undang ini dan sebagaimana kawan-kawan yang telah bercakap terlebih dahulu. Sebelum saya menyambung ucapan ini suka saya menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya semua Rang Undang-undang yang hendak dibahaskan ini baru kita terima di atas meja ini. Jadi, masa itulah hendak semak dan masa itu kita hendak bincang. Saya rasa kerana negara kita telah begitu maju dan banyak pakai komputer, maka kita juga menganggap diri kita sebagai robot - picit chanel sana-sini, boleh tahu semuanya.

Jadi, ini tidak patut. Sepatutnya kita terima awal supaya dapat kita semak di rumah dan boleh buat homework sedikit. Tetapi bila di atas meja ini, masa bila kita hendak semak dan hendak dapat tahu, hendak bertanya kepada siapa. Pagi kita ada lawatan, petang kita terus mesyuarat. Kepala kita biul, tidak boleh. Ini patut kita ubahlah pada masa-masa yang akan datang. Perkara ini bukanlah perkara baru yang kita bincang. Di dalam masa pre-council pun kita

bercakap, tetapi tidak pernah juga sampai ke tangan kita awal, melainkan kita terima di atas meja **ini**. Saya harap pada masa yang akan datang rakan-rakan yang baru dapat lebih senang daripada kita. Kita di **sini** ramai yang hendak pencen pada tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sebagaimana rakan-rakan tadi menyokong Akta **ini**, tetapi satu saya ingin tahu iaitu adakah pekerja-pekerja yang bekerja ini, dia dapat tahu apa yang dia boleh dapat kalau sesuatu terjadi kepadanya terutamanya di dalam pekerjaan industri. Di dalam aegara kita banyak pekerja kilang, terutama wanita. Sebagaimana kata rakan saya tadi, pelajaran mereka kurang, kelulusan rendah dan dengan kemajuan yang ada pada **hari ini**, diiklankan supaya bekerja - pergi, interview sekejap itu, terus masuk kerja. Dia tidak tahu apa masalahnya. Yang dia tahu, dia bekerja, dia dapat gaji. Apa hendak jadi, dia tidak tahu. Kalau ada apa-apa yang terjadi kepada siapa yang hendak dituntut pun, dia tidak tahu. Saya rasa majikan tidak pernah memberikan keterangan ini kepada mereka. Setakat mana yang mereka boleh dapat, apabila ada sesuatu kejadian ke atas dia, sebab dia bekerja dengan mesin-mesin elektrik. Pernah sekali di dalam satu kilang membuat kain, seorang daripada pekerja itu rambutnya **terlilit** di tempat **lilit** benang. Bagaimana? Rambutnya panjang dan **terlilit** kepada tempat **lilit** benang. Kena gunting. Ini adalah kerana tidak ada pengetahuan dan tidak diberitahu. Majikan - mahu pekerja, kerjanya mahu

disiapkan cepat dan dia dapat untung. Tetapi saya rasa dengan adanya pindaan yang begitu banyak, faedah akan diberi kepada pekerja-pekerja. Ini sangat baik iaitu setelah ramai pekerja-pekerja mendapat kecederaan. Maka Kerajaan sedar, mungkin tidak keluar surat-khabar, maka pindaan-pindaan ini dibuat dari satu masa ke satu masa yang sangat baik.

Kedua, kerja malam sampai pagi. Itu perkara biasalah sebab kaum wanita inipun telah menuntut hak yang, sama seperti orang lelaki. Jadi, saya rasa kalau orang lelaki boleh kerja malam, wanita pun boleh kerja malam. Di Hospital pun ada kerja malam, di kilang pun ada kerja malam - tuntutananya sama, tidak ada beza macam di Kelantan - tidak mahu kerja malam. Dia hendak kerja rumah sahaja. Bila kerja malam, kekurangan daya penglihatan adalah cepat, sebab saya pakai cermin mata daripada muda kerana saya selalu kerja malam. Sebab waktu dahulu saya bekerja di Hospital. Jadi, selalu kerja malam, penglihatan kurang - tidur tidak cukup. Tetapi adakan cara-cara itu, kita mencari jalan untuk memperbaikinya. Juga anggota lain, mata, telinga, tubuh-badan, kaki-tangan. Pekerja-pekerja ini tidak tahu bahawa mereka boleh dapat pembelaan daripada kecederaan itu. Kita patut beritahu. Kita buat undang-undang, tetapi mereka tidak tahu. Kalau dia terjadi, ada orang bela, baharulah saudaramaranya tahu. Kalau tidak, dia tidak tahu. Sepatutnya mesti

beritahu - dia buat kerja, tandatangan untuk bekerja, beri satu salinan kepada dia. Ini yang awak dapat besok kalau jadi apa-apa. Dengan itu dia akan menjaga keselamatan diri dia. Siapa yang boleh tuntutan, juga diberitahu. Ini adalah patut kerana negara kita yang begitu maju dan moden.

Lagi satu semasa dalam perjalanan hendak pergi kerja. Saya suka mengambil ibarat kepada pekerja kilang sebab di kawasan Pulau Pinang saya adalah berdekatan dengan pekerja kilang. Kalau orang yang bekerja dekat, dia tidak naik bas untuk pergi ke kilang, dia naik basikal atau dia berjalan kaki untuk pergi ke kilang. Macam mana orang ini kalau dia ada kemalangan di jalan raya. Terasingkah daripada orang yang menaiki bas? Dan orang yang naik bas sekarang ini pun sangat merbahaya. Pekerja-pekerja ini apabila balik kerja, dalam bas mereka tidur sahaja.

Drebar ini bawa sesuka hati. Kadang-kadang, sedar-sedar sudah masuk longkang, masuk paya, jatuh dalam gaung. Ada berlaku pada suatu hari sesudah turun bas, dia belum sempat lagi turun, bas sudah berjalan, dia jatuh dan bas itu seret budak yang jatuh itu, habis paha dan badannya - dia meninggal. Memang ada berlaku perkara semacam ini. Wallahu'alam, saya tidak tahu siapa yang membelanya. Itu berlaku pada masa dulu; tetapi dengan Akta yang dipinda begitu banyak ini, macam mana kata sahabat saya tadi yang dulunya Akta kita tak tahu, yang ini kita hendak pinda yang kita tahu. Jadi, kita harap mudah-mudahan. baik daripada yang dulu, kita harap mendapat kejayaan dan dapat pembelaan kepada negara ini. Kerana negara ini boleh kaya-raya adalah hasil daripada jari-jari yang halus membuat kerja dalam kilang itu sehingga kita dapat kejayaan begitu banyak sekali pada hari ini. Patut kita bela mereka dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tadi ada yang mengatakan kalau balunya, saya rasa perkara ini pihak Kerajaan kita telah beri pencen kepada balu-balu berkenaan, cuma kalau sudah kahwin semula hendak teruskan pencen itu, itu sangatlah baik kalau Kerajaan dapat buat sedemikian rupa. Tetapi saya suka mengulangi lagilah bahawa pencen ini daripada potongan yang 30% itu, berilah semula supaya diberi penuh pencen mereka supaya stabil dan dengan adanya Kerajaan kita yang maju pada hari ini yang boleh kita katakan mewah, maka patut

dipenuhi balik pencen yang dipotong 30% **ini**. Dulu selepas 12½ dipotong 30% **tetapi** sekarang sudah **stabil**, maka sepatutnya Kerajaan memberikan semula pulangan itu. Kerana pegawai-pegawai Kerajaan kita beberapa tahun sudah naik gaji, patut orang pencenpun berilah naik pencen dia, dia pun boleh menikmati keadaan kemajuan negara kita.

Pagi tadi kita melawat MAS - betapa kayanya. kita tengok - itu dalam satu bidang sahaja -yang kita pergi lihat dengan mata kita., betapa kayanya MAS ini. Bangunannya hebat, pekerjaanya ramai dan bermacam-macam lagi hebat dan canggih segalanya, buat kerja senang, petik suis sahaja. Saya kata, saya pun teringin hendak sedemikian rupa juga apabila menengokkan kemajuan itu. Kalau boleh, pada masa akan datang di rumah kita pun pakai petik suis sahaja. Boleh angkat pinggan letak atas meja, angkat gelas letak atas meja, macam kita tengok di MAS itu, petik sini diambil tray itu bawa ke sana, diisi dengan barang, apa yang kekurangan di tempat lain ia pergi hantar. Jadi, begitulah kejayaan dalam negara kita pada hari **ini**. Maka patutlah dibela yang kurang bernasib baik sebagaimana balu tadi **itu**, yang sudah dipotong berikan penuh semula pencennya. Kalau ada peluang naik, naikkan lagi.

Jadi, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, memadailah sahaja setakat itu ucapan saya berkaitan dengan perkara-perkara ini kerana saya rasa sangat baik, peruntukan tambahan ini sangat memuaskan hati, tetapi apa yang kita kehendaki pelaksanaannya berjaya. Dengan **itu**, saya dengan sukacitanya menyokong penuh di atas Akta ini yang

dinamakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1991. Sekian, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Seth.

4.15 ptg.

Jen. (B) Tan Sri Dato¹ Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 ini. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, naskhah sebegini untuk didebatkan, kalau dapat awal-awal lagilah dibentangkan, diberikan kepada kami semua supaya dapat kami memberi pandangan yang lebih dalam lagi dan kontribusi kami dalam debat sebegini, mungkin boleh lebih menguntungkan.

Yang keduanya, Akta ini juga sepatutnya sudah lama dikemukakan dan juga diluluskan. Apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat adalah sangat-sangat baik akan tetapi ada satu-dua perkara yang saya ingin memberi pandangan yang mungkin ada gunanya. Yang pertama sekali dalam hal ini yang saya dapat teliti ialah dari segi Fasal 25 seksyen 59 yang mana kuasa Pengurus Besar (Director General) itu telah dibentangkan dan juga ini dibentangkan oleh kerana ada introduksi Lembaga Promosi. Bukan sahaja ada Lembaga Promosi akan tetapi ada lagi Appeal Lembaga Promosi. Begitu juga Disciplinary Committee, ada lagi Appeal Committee daripada itu. Pada pandangan saya, dengan adanya Lembaga ini adalah baik, akan tetapi kalau ada satu lembaga dan kemudian ada lagi alasannya, mungkin akan

mendatangkan satu kerumitan oleh kerana pihak yang komplek atau yang merasa tidak puas hati itu daripada satu peringkat ke satu peringkat dibawa, mungkin Kementerian itu tidak dapat menjalankan pekerjaannya. Kepada Director Generalnya itu, sepatutnya Director General harus diberikan kuasa yang tertentu supaya Director General boleh menjalankan tanggungjawabnya dengan secepat mungkin, seperti juga macam tentera, kalau jadi Commander itu, kalau banyak sangat dia punya alasan, dia tak dapat membuat keputusan dengan secepat mungkin dalam hal yang berkehendakkan suatu decision, dengan izin. Jadi, pada pandangan saya kalau dihad-hadkan, ini boleh dibuat dan itu tak boleh, mungkin melambatkan lagi Director General itu menjalankan tugasnya yang berat, saya percaya hakikat ini. Dari segi lembaga-lembaga yang saya sebutkan tadi itu, kalau boleh dirangkumi yang di bawah perhatian Menteri ataupun seorang pegawai yang berkuasa dengan memberi dia punya syarat-syarat - saya ingat, kepada sayalah - mungkin mencukupi untuk menjalankan tanggungjawabnya itu dengan secepat-cepatnya.

Seperkara lagi ialah Fasal 31 yang berkaitan dengan seksyen 72(a) yang mana organisasi fund itu boleh mengeluarkan pinjaman dan sebagainya. Ini sangat baik supaya pekerja-pekerja itu dapatlah meminjam dalam keadaan desakan kesusahannya, akan tetapi kalau di biarkan perkara ini dengan tidak diawasi, pinjam-meminjam itu akan merobohkan organisasi fund itu. Pinjam-meminjam ini memang suatu penyakit yang selalu manusia ada atau tidak dikehendaki hendak pinjam sahaja, tetapi hendak bayar balik itu mungkin perit, bukanlah semua tetapi ada sebahagian daripadanya itu. Ini yang mungkin akan merosotkan segala fund ataupun wang yang dikutipkan demi untuk kebajikan pekerja-pekerja.

Seperkara lagi yang saya ingin memberi perhatian ialah dari segi Fasal 35 yang mana seksyen 93 akan dibetulkan dengan menyatakan, "iaitu adalah suatu kesalahan kepada satu-satu orang menulis ataupun mengadu apa-apa juga berkaitan dengan organisasi itu."

Saya ingat kalau kita hadkan perkara ini ataupun tidak dibenarkan seseorang itu democratic approach, dengan izin, ini akan mendatangkan tidak puas hati dan juga akan merosotkan organisasi itu. Itu pandangan sayalah. Apatah lagi kalau ada Lembaga Disiplin dan juga segala-gala Lembaga untuk menjaga ini. Kalau tidak dibenarkan orang itu complaint dan segalanya, apa guna kita adakan Disciplinary Board ataupun Lembaga Disiplin? Kepada saya perkara ini boleh dilepaskan, kalau orang itu hendak complaint itu tidak mengapa, dia hendak tulis tidak mengapa. Jadi, kita tahu mereka itu tidak puas hati, sudah keluarkan perasaan mereka. Dari itu dapat kita baiki dengan jalan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya dapat petik dari Akta yang dicadangkan itu. Selain daripada itu saya menyokong Akta ini diluluskan dengan seberapa segera dan dalam mengimplementasikan. Akta itu, mesti disiarkan kepada pekerja-pekerja supaya dia mengerti apakah yang terkandung dalam Akta ini supaya boleh mereka itu menggunakan dengan sebaik-baiknya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.

4.22 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut bersama-sama dengan rakan-rakan saya daripada semalam hingga hari ini untuk bersama-sama menyokong satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Seperti juga rakan-rakan saya, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kita melalui Kementerian yang berkenaan kerana telah peka dan telah dapat menyemak serta meneliti semula perkara-perkara yang perlu terutamanya dalam Akta ini yang berkaitan dengan kebajikan dan dengan kepentingan pekerja-pekerja di mana-mana sahaja di industri-industri, di negara kita ini yang memang telah mula menampakkan kejayaan yang begitu baik dan sambutan yang begitu positif kepada perkembangan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya juga sama dengan rakan-rakan yang lain mendapat Akta ini tidak dengan cukup masanya, kerana ini seolah-olah macam telah menjadi tradisi kepada Dewan bahawa segala kertas-kertas Dewan hanya diletakkan di meja.

Tuan Yang di-Pertua, pada tiga empat tahun yang lalu kertas-kertas ini atau kertas-kertas pencing terutama mengenai pindaan-pindaan Akta dan juga kepada Akta-akta yang baru hendak dikemukakan dihantar terus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara tetapi

selepas daripada itu entah di mana agaknya sangkutnya ataupun silapnya, maka kita hanya menerima kertas-kertas itu di Dewan ini. Namun begitu, boleh juga kalau pihak pentadbiran hendak mengatakan kenapa Ahli-ahli Yang Berhonnat sendiri tidak meneliti, tidak mengambil berat, tidak mahu datang sendiri, bertanya, menengok dan juga untuk berusaha bagi mendapatkan kertas-kertas ini sebelum sidang dimulakan. Jadi, ini ibarat seperti kata pepatahlah, "Ayam kata telur dahulu, telur kata ayam dahulu." Jadi, walau macam manapun, saya rasa kita boleh bertolak ansur dalam perkara ini iaitu pihak pentadbir yang kami faham sangat banyak tugasnya kerana kekurangan kakitangan juga alasannya, tidak dapat hendak memberikan khidmat terdahulu acau khidmat yang teratur sebagaimana yang wajarnya.

Namua begitu, ada juga baiknya mereka memberikan ingatan kepada kami, umpamanya di sidang yang akan datang ini, kertas-kertas ini akaa dikemukakan, sila dapatkan naskhah-naskhahnya. Jadi, dengan ini kami-kami yang sibuk dengan tugas-tugas dan sentiasa menjadi "Gurkha" rakyat, walaupun kami tidak ada kawasan, dapat mengingat dan dapat meneliti perkara ini. Namun begitu, ada di antara kita termasuk saya sentiasa mengikuti persidangan atau perbincangan Akta-akta yang berkenaan termasuk Akta ini di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenar-benarnya menyokong Rang Undang-undang ini tetapi sebelum menghabiskan atau memuktamadkan sokongan itu, saya ingin bertanya adakah Akta yang dikemukakan pada hari ini, yang berwarna biru ini, Akta asal atau Akta yang telah diubahsuai oleh Dewan Rakyat kerana aaya percaya dan saya tahu, saya mengikuti di Dewan Rakyat juga Akta ini diperbincangkan dengan hebatnya dan telah banyak pindaan dan pandangan dan juga ubahsuaian yang dibuat.

Jadi, apakah ini sesudah yang dipinda atau diolah dalam bentuk jawatankuasa dan persidangan penuh itu atau ianya diambil kira yang sana pun diambil kira, yang kami punya diambil kira, selepas itu nanti akan diolah semula? Tetapi mustahil kerana mengikut peraturan dan mengikut Acuran Urusan Mesyuarat di Dewan, peraturan-peraturan meluluskan Akta apabila ianya dikatakan: "Setuju?" "Setuju." Maka segala-galanya akan dipersetujui sebulat suara, maka berjalanlah perkara-perkara itu mengikut tiap-tiap patah perkataan yang ada di hadapan kita ini.

Maka saya ingin bertanya lagi khususnya kepada Tuan Yang di-Pertua, apakah segala yang kami akan perkatakan ini tetapi tidak berbentuk pindaan yang bertulis kerana syaratnya kalau hendak dipinda mesti ada bertulis dan mesti dikemukakan dengan mengikut peraturan-peraturannya, demikian peraturan-peraturan. Mesyuarat

Dewan, kita hanya menyentuh seolah-olahnya macam gaya kawan-kawan saya tadilah, memberikan pandangan, memberikan teguran dan lain-lain. Apakah perkara-perkara itu hanya sekadar untuk didengar sahaja, didengar masuk kiri keluar dari kanan kemudian diberi jawab: "Akan diberi perhatian yang berat, akan diambil kira, akan dicatatkan." Sedangkan apabila undang-undang ini diluluskan, pihak-pihak yang menggunakan, yang memerlukan undang-undang ini atau yang akan mengimplementkan undang-undang ini, dia tidak tahu dan tidak faham dan tidak ada ambil kisah tentang apa teguran dan apa pandangan yang kita buat. Undang-undang akan dilaksanakan dan penentuan kepada undang-undang ini tetap utuh, hanya lawyer-lawyer kepada kita punya lawyer, kalau ada lawyer atau kumpulan-kumpulan berkenaan kalau telah berlaku sesuatu yang berkaitan dengan undang-undang bertelagah umpamanya menggunakan lawyer-lawyer dan lawyer-lawyer, termasuk juga Tuan Yang di-Pertua juga seorang lawyer yang bijaksana, setiap patah perkataan boleh digunakan dengan lurus atau dengan bengkok.

Jadi, saya ingin bertanya walaupun ini tahun yang keenam saya berada di Dewan, namun begitu saya harap kita akan dapat memberikan penjelasan, penerangan, taklimat khusus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana perkara meluluskan Akta bukan perkara yang se-wenang-wenangnya,

Tuan Yang di-Pertua, terdapat seolah-olah kita hanya bergantung penuh kepada Dewan Rakyat. Bila Dewan Rakyat bawa segala kertasnya ke mari, perutusan daripada Speaker Dewan Rakyat, kita pun terima, kita pun baca, kita pun bincang, cuit sedikit, cubit sedikit, colek sedikit, sentuh sedikit - lulus macam yang asal. Belum ada di dalam sejarah Dewan Negara kita membuat sesuatu pindaan yang benar-benar utuh atau kukuh, yang berlunaskan kepada Perlembagaan dan Peraturan-peraturan Mesyuarat.

Jadi, kita haraplah sahabat-sahabat kami yang ramai, yang baru menjadi anggota Dewan terdiri daripada profesional, tetapi ramai duduk di luar, supaya mereka ini memberikan perhatian yang berat kepada perkara-perkara yang seumpama ini. Tidaklah guna kita mengeluh atau kita menyesali perkara-perkara yang dipertanggungjawabkan kepada kita dan kitalah perlu untuk meneliti dan mengambil berat tentang perkara ini.

Saya mengucapkan syabas kerana pada keseluruhannya Akta ini adalah baik, ada kebaikan untuk Pertubuhan PERKESO, ada untuk pekerja-pekerja, ada kuasa-kuasa Menteri yang telah diubahsuai atau diberi mandat lebih dan ada juga perlindungan-lindungan yang dirasakan dahulunya tidak ada tetapi sekarang ada. Namun begitu, kalau diteliti daripada Fasal 1 hingga Fasal 48, saya telah mengiranya hanya kira-kira 30% sahaja undang-undang ini melindungi pekerja.

Sedangkan yang lain-lainnya kalau pekerja ini seperti kata sahabat saya Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Mohd. Seth dan Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah Mohd. Akim tadi kalau pekerja itu tidak memahami haknya seperti pernah juga kita di Dewan ini tidak memahami hak kita, tanggungjawab kita sepenuhnya, maka ianya mudah sangat diselewengkan.

Saya menyentuh satu persatu yang sempat saya teliti. Yang pertama mengenai Fasal 4, iaitu yang meluaskan perlindungan skim keselamatan sosial ini kepada perindustrian yang kalau dahulunya 5 orang sekarang seorang pun kena. Baik! Bagus! Tetapi kalaulah industri itu hanya industri kecil yang barangkali membuat labu, membuat labu pendapatannya lebih kurang purata sebulan untuk yang punya industri hanya untung \$100. Bagaimana dia hendak merangkumi undang-undang ini kalau pekerjaanya seorang atau dua orang.

Ini juga merupakan satu tekanan yang mungkin tidak dapat kita lihat tetapi ianya menyeksakan kepada pengusaha-pengusaha yang baru hendak berusaha, yang baru hendak muncul, yang baru hendak memulakan industri kecil, industri kampung ataupun mini industri yang mungkin dia buat kerja, isterinya buat kerja, anaknya buat kerja, kemudian dia datangkan seorang pekarja membantunya. Kalau mengikut akta ini yang seorang itu juga mesti termasuk di dalam semua undang-undang yang diterakan di sini. Saya kurang arif apakah ini baik atau apakah ini kurang baik. Tetapi bagi syarikat-syarikat industri yang besar perkara ini wajar kerana kalau lima pekerja, seorang pekerjapun, tetapi industri itu besar, untung banyak, buat banyak business, memang wajarlah perkara ini, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua, Fasal 11 dan 12 yang bertujuan meminda seksyen 17 dan 17A Akta yang masing-masingnya untuk mengurangkan tempoh kelayakan bagi pencen ilat daripada 30 ilat.. Pencen ilat ini sebenarnya mungkin ada yang tidak faham perkataan "ilat". Saya percaya ramai sahabat-sahabat saya yang tidak faham perkataan "ilat". Banyak perkataan-perkataan yang berbentuk perundangan di dalam Akta ini yang perlu kita ada dictionary. Tetapi kita ada khutub-khanah di bawah, salah kita juga, mesti kita teliti dahulu iaitu yang disebut di sini mengenai pencan ilat daripada 36 bulan kepada 24 bulan untuk membolehkan lebih ramai lagi orang berinsurans dilindungi di bawah skim bantuan ini. Best! Kalau dahulu lama, sekarang kurang sikit masanya, yang itu yang best, dan ini syabas.

Kamudian kita masuk kepada Fasal 14, 15(a) dan (b) adalah pindaan barbangkit Fasal 15(b) (ii) bertujuan memasukkan suatu proviso baru bagi Seksyen 20 Akta bagi memperuntukkan secara khusus bahawa gaji bulanan purata minimum bagi pencen ilat ialah \$342.86 iaitu dapat lebih sedikit keuntungan kepada pekerja-pekarja, tetapi ada pula tertakluk kepada apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri di dalam peraturan-peraturan. Maka di sini Menteri terpaksa juga memahami undang-undang dan kena campurtangan dalam hal-hal yang berkenaan. Jadi kita maklum kerana undang-undang kita ada MenteriKehakiman kita. Ini juga merupakan satu perkembangan yang baik.

Cuma sedikit sentuhan lagi Fasal 20, bertujuan meminda Seksyen 31 Akta bagi memperuntukkan bahawa orang berinsurans atau orang tanggungannya tidak dibenarkan menuntut apa-apa pampasan atau gaatirugi-gantirugi daripada majikan orang berinsurans atau daripada mana-mana pengkhidmat majikan itu di bawah mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa berkenaan dengan apa-apa bencana kerja yang dialami sebagai pekarja di bawah Akta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan mengenai seksyen ini. Saya harap sahabat saya akan dapat menjelaskan apakah tujuan sebenarnya Fasal 20 ini. Apakah ini beruntung untuk pekerja-pekerja itu atau sebaliknya? Kalau mendengar daripada ayatnya itu rasa-rasanya ada sedikit percanggahan, daripada perlindungan yang meluas yang dikatakan di awal Akta ini.

Kemudian Fasal 21 bertujuan memasukkan seksyen baru 33A untuk memberi Pertubuhan kuasa, menurut budi bicaranya, merujuk sesuatu kes kepada lembaga perubatan bagi menentukan soal keilangan atau soal hilang upaya dalam hal keadaan apabila orang-orang berinsurans selepas mengemukakan notisnya mengenai keilangan atau permohonannya bagi rujukan kepada lembaga perubatan, mati sebelum diperiksa oleh lembaga perubatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah saranan dua orang kawan. saya tadi. Seseorang pekerja yang bekerja di bawah skim ini mestilah memahami haknya. Adakah ini boleh dilakukan oleh majikan? Adakah ini berkembang dan berjalan? Ini soalan yang paling penting. Saya juga merasakan baiknya ada kesatuan sekerja yang boleh membantu ahli-ahlinya dalam lapangan ini. Janganlah asyik nak minta gaji,

hendak menentang Kerajaan sahaja. Barangkali inilah tugas penting yang mereka perlu ambil berat iaitu memahami setiap pekerja-pekarja di semua jenis industri atau di semua jenis tempat-tempat kerja. Apakah hak mereka sebagai pekerja kalau ini terjadi, kalau itu tarjadi, kalau A, kalau B, kalau C mengenai undang-undang ini. Mungkin dibuat petikan-petikannya dan saya mengharapkan dari pelaksanaan pihak Kerajaan kita juga boleh memberikan satu penjelasan atau satu petikan undang-undang ini dangau jelas, dengan ulasan yang boleh difahami oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, kalau undang-undang ini dibacakan kepada orang-orang yang bersekolah hanya Darjah VI, dia tidak faham satu pun, kerana perkataannya perkataan undang-undang dan bahasanya Bahasa Melayu Lama, berbelit-belit. Kalau kita hendak membacanyapun. kena dua atau tiga kali baru kita faham. Saya ingin bertanya sahabat-sahabat saya

Tuan Adam bin Kadir: Bahasa Melayu Lama mana? Tun Sri Lanangkah atau Abdullah Munshikah?

Puan Ainon binti Ariffin: Mungkin begitu. Saya banyak kali telah sebut Tuan Yang di-Pertua, tidakkah boleh kita canggihkan sedikit perkataan dalam undang-undang ini supaya semua orang yang baca samaada dia berkelulusan tinggi melangit atau sekadar hanya boleh membaca, faham akan maksud dan tujuan uadang-undang itu. Jadi kalau ini dibaca berputar-putar, Indonesia kata, "putaran-putaran ya bu" jadi payah hendak memahaminya. Jadi ini juga boleh memberikan

peluang yang baik kepada lawyer-lawyer kalau hendak mengena atau terkena. Ini saranan jugalah, tetapi berbangkit dari Fasal 21 tadi. Lihat di sini "mesti rujuk kepada Lembaga Perubatan", yang berkenaan itu terpotonglah, maaflah ya, kata sahabat saya tadi, rambutnya. Mungkin ianya ditimpa di tempat kerja. Satu contoh macam berlakunya letupan-letupan di sebuah firma ataupun di sebuah syarikat industri, jika seperti yang baru berlaku di Sungai Buloh, semua orang faham perkara ini iaitu perkara yang berlaku di sebuah gudang bahan letupan membuat mercun di Sungai Buluh. Berapa ratus ribu hendak diganti itu? Yang hilang kepala, yang hilang kaki, yang hilang badan, ada yang hidup pun sekarang ini sudah macam bangkai bernyawa sahaja dan lain-lainnya. Jadi, dalam hal ini barangkali pihak majikan merasakan ini sangat teruk, cari lawyer buruk, maka dicelah-celahkan dengan perkataan-perkataan ini, lalu dikatakan dia ini mati bukan sedang bekerja, dia masih bercuti, dia datang hendak ambil cermin matanya tinggal, jadi dia tidaklah boleh menerima haknya sebagai pekerja. Jadi kurang jelas, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat sebut tentang bahasa susah?

Puan Aionon binti Ariffin: Bahasa susah dan tujuan juga tidak jelas.

Tuan Adam bin Kadir: Apa makna keilatan ini?

Puan Aionon binti Ariffin: Keilatan ini pada perasaan saya ialah kecacatan atau kecederaan atau apa-apa parkara yang menyebabkan pekerja itu menerima deritaan. Jadi ilat ini ertinya yang cedera yang teruk, kalaut ilat itu teruk ilatnya hilang kaki, hilang tangan

masalah dia di dalam peringkat tidak berupaya. Ada yang berupaya kekal ada yang tidak berupaya kekal. Ada juga yang disebut di sini yang tidak berupaya kekal, tetapi tidak pula disebut yang tidak berupaya separuh kekal. Jadi faham sahajalah kita tujuannya, ertinya teruk, yang serius. Maka ini juga ada loop hole, ada celah-celah, laluan-laluan yang mungkin boleh menindas dan menyebabkan pekerja tidak mendapat pembelaan yang baik.

Tidak ada semua pekerja yang bergaji \$340 sanggup ambil lawyer. Kalau apa-apa berlaku kepada dia, dia serah sahajalah kepada majikan. Entah berapa ribu, pekerja-pekerja di negara kita ini, juga di negara lain pun berlaku, bukan kita sahaja, yang tidak mendapat apa-apa pembelaan daripada khidmat cemerlang mereka yang berkemalangan di tempat kerja, umpamanya di tempat sawmill atau di tempat buat pinggan mangkuk dan macam-macam lagi syarikat-syarikat yang ada di negara kita ini. Jadi kalau undang-undang ini diterakan begini cantik, begini baik, berbelit-belit bahasanya, kemudian tidak pula difahamkan kepada majikan supaya dijalankan, tidak ada satu badan atau satu lawyer yang bebas, yang boleh menentukan hak-hak pekerja itu apabila terjadi perkara yang berkaitan, maka jadi sia-sialah hajat dan niat baik Kerajaan.

Saya menyentuh lagi Fasal 22 bertujuan meminda seksyen 57 Akta untuk membolehkan seseorang yang berinsurans yang perlu menjalani pemulihan dibayar ganti oleh Pertubuhan, tidak kira sama ada dia dikehendaki pergi ke luar tempat kediaman atau selainnya. Pindaan ini adalah baik.

Pada kesimpulannya, saya sudah mencatatkan beberapa Fasal di sini, tetapi saya rasa sudah tak berguna sekarang ini, sudah terlewat kerana kalau saya sebut pun hendak buat pindaan, saya tidak mengikut peraturan untuk membuat pindaan. Saya hanya membuat sentuhan, komen dan pandangan yang saya harap dengan jasa baik Yang

Berhormat Timbalan Menteri dan wakil-wakil Kerajaan yang ada di dalam Dewan ini mencatatkannya, kerana ini tujuannya baik, kemudian kalau dapat memahamkannya kepada Menteri yang akan diberi kuasa.

Perkara terakhir yang saya hendak sentuh ini ialah mengenai kuasa Menteri, Fasal 39 bertujuan meminda seksyen 100 Akta untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana perindustrian atau golongan perindustrian kepunyaan mana-mana badan berkanun daripada kuatkuasa Akta Tumpang bertanya lagi, Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri yang berkenaan, mengapa pula ada satu keistimewaan ini. Bagaimana kalau diberi kepada badan berkanun dan badan berkanun itu mempunyai pekerja-pekerja 2,000, 5,000 orang kalau misalannya Menteri kata yang ini tak adalah terlibat dalam undang-undang ini, apa-apa terjadi antara pekerja dia, buat "don'tknow" sahajalah.

Saya sayangnya kepada Menteri-menteri sebab dia sahabat kita semua dan kita menyokong Kerajaan, tetapi bagaimana istilah sebenarnya Fasal 39 ini. Ada atau tidak garis panduan kepada Menteri yang berkenaan atau penasihat-penasihat Menteri berkenaan, biasanya Menteri-menteri tak buat keputusan sendiri, penasihat beritahu dia. Kadang-kadang Menteri yang bagus, yang handal itu dia tanya (query), dia siasat dahulu. Kadang-kadang itu main sign sahaja, maaf, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini yang kita bimbang sedikit. Walaupun Fasal 39 ini baik, tetapi cuba fikirkan dahulu bagaimana di sebaliknya.

Saya ingin tahu begini, adakah garis panduan yang pengecualian itu dibuat, atas unsur apa? Mungkin kerana mereka itu sudah ada

perlindungan yang lain pula daripada Jabatan itu sendiri atau badan berkanun itu sendiri ada menyediakan fund untuk pekerja-pekerja mereka sendiri atau pekerja-pekerja mereka itu kerana bekerja dengan benda yang ringan-ringan, mungkin yang tak ada kemalangan atau yang tak ada perlu mendapat segala imbuhan ilat-ilat ini.

Ini sahaja saya hendak dapat penjelasan daripada pembentang Akta, sahabat saya Timbalan Menteri. Kesimpulannya, saya menyokong Akta ini sepenuhnya dengan saranan, yang pertama, berilah kefahaman kepada semua pekerja-pekerja yang berhak menerima hak mereka melalui undang-undang ini yang mesti dilindungi oleh undang-undang ini akan hak mereka itu dengan sejelas-jelasnya, dengan ikhlasnya. Apabila berlaku, maka pihak Kerajaan melalui pertubuhan atau PERKESO mesti ikhlas melaksanakannya dan jangan pula nanti menyebelahi kepada majikan yang kebanyakannya suka mencari "al-untung", tidak mahunya rugi, kemudian suka menindas.

Tuan Yang di-Pertua tahukah cerita? Ada cerita industri-industri yang telah didaftarkan dan baru dibuka ini, dua bulan pekerjaanya tukar sebab dia tak hendak menanggung risiko-risiko, beban-beban undang-undang yang kita hendak buat ini. Bukan semua majikan itu okay, kebanyakannya tak okay. Jadi, ini juga barangkali perlu diberikan perhatian yang berat, penelitian yang serius supaya pekerja-pekerja dilindungi sebenar-benarnya seperti matlamat dan saranan kehendak Kerajaan, visi Perdana Metiteri supaya tanya menjadi teras kepada satu pencapaian yang tinggi ke arah Wawasan 2020.

Kesimpulan yang lainnya ialah apabila undang-undang ini nanti siap dan isytiharkan serta dijalankan, silalah diberikan dialog ataupun penerangan melalui media-media. Saya pun hairan juga mass media negara kita ini. Kalau mengenai liputan atau penerangan. orang ramai, yang berkaitan dengan undang-undang tak pernah sekali mereka buat, dahulu ada juga. Saya tarik balik, bukan tak pernah, sudah tiada dibuat. Dahulu pernah ada, sahabat saya seorang lawyer, tetapi khusus untuk yang berkaitan dengan hak wanita, dibuat di televisyen, di radio pun ada, tetapi sekarang ini tak ada apa-apa benda.

Saya suka juga menyarankan kepada Kementerian Penerangan kerana perwakilannya ada di sini, terutamanya Bahagian Penyiaran, cubalah petik-petik sedikit benda-benda ini kalau tak ada benda lain yang hendak dikeluarkan. Kalau cakap-cakap kami ini difikirkan tak berguna, kerana tak pernah keluar, maka petik sahaja undang-undang ini. yang berkaitan dengan orang ramai sebab pekerja-pekerja itu membayar lesen televisyen dan radio, mesti ada televisyen dan mesti ada radio, jadi mereka berhak mendapat penjelasan daripada pihak penyiaran kita.

Cakap kami ini barangkali tak ada yang baik, tak usahlah dikeluarkan, tak keluar pun tak apalah, tak kecil hati, biasalah, kita berkhidmat untuk Dewan Negara, bukan untuk publicity. Tetapi yang ini petiklah, umpamanya Fasal 26, Fasal 14, Fasal 22, ini ada kaitannya, barangkali disiarkan, "semalam Parlimen telah meluluskan satu Akta yang berkaitan dengan pekerja-pekerja". Petikannya ialah, satu..... - untuk pekerja sahaja berilah, untuk majikan janganlah,

biarlah dia cari sendiri - untuk pekerja sahaja keluarkan. Ha, ini dia imbuhan kalau dapat. Kalau ilat yang **ini**, ini ilat yang dapat, macam itu.

Jadi, saya rasa ini juga memberikan satu pengajaran, pendidikan, maklumat dan juga pendedahan yang sangat baik. Sebab selain daripada interview seorang artis kita memanglah okay, artis pun hendak juga kita beri publicity, tetapi taklah meleret-leret sampai reban ayam pun ada, sampai kucing dijaga pun keluar. Ada baiknya kalau perkara-perkara ini diberikan perhatian yang berat. Banyak perkara yang baik-baik di Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang boleh dijadikan satu bahan siaran, tetapi jangan yang kaku. Kalau kaku umpamanya macam Wawancara, ramai orang tengok siapa yang berwawancara, kalau Dato' Samy Vellu - ha, sambutan. Tetapi kalau dipandang persenaliti itu tak menarik - pap, ditukar kepada saluran 2 atau saluran 3. Tetapi kalau **ini**, ha, Akta ini memberikan ini.....kepada pekerja-pekerja.....ngap, keluar, buatlah cantik-cantik, ramai penerbit yang bijak dan pandai, buat macam iklan-iklan yang menggiurkan, yang mengghairahkan supaya benda ini menarik perhatian dan dapat pendidikan.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah apa sahaja Akta yang kita luluskan, termasuk Akta pada hari ini, semoga berjalan mengikut hasrat utamanya, kemudian ianya memberikan manfaat kepada yang berkenaan, kepada negara dan boleh meninggikan perekonomian dan ianya akan mengharumkan lagi nama Malaysia di luar negeri supaya tak ada lagi Amerika hendak bantai kita, dia kata kita peras orang, kita hambakan orang dan lain-lainnya.

Dengan **ini**, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969.

Tuan Adam bin Kadir: Tuan Haji Ahmad Zahid.

4.49 ptg.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya berhajat untuk bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Dewan Negara menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969.

Dari kertas yang diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kami berkesempataa membincangkan perkara ini dengan begitu mendalam dan perkara-perkara yang harus diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan ialah tentang soal jumlah pampasan yang diberikan kepada pekerja-pekerja yang tertakluk di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja **ini**, kerana dari pengalaman-pengalaman yang lalu didapati jumlah pampasan yang diberikan kepada pekerja-pekerja adalah tidak wajar dengan sumbangan yang diberikan oleh pekerja-pekerja terhadap syarikat-syarikat di mana mereka bertugas. Kerana dari segi jangka panjang, pekerja-pekerja adalah merupakan tenaga utama yang menggerakkan perjalanan dan pulangan pelaburan sesebuah syarikat.

Tatapi malangnya apabila Akta ini cuma memberikan jumlah yang kecil dari segi pampasan, jadi terdapat satu usaha yang seolah-olah hanya melapaskan "batuk di tangga". Dan perkara ini, Kementerian Sumber Manusia khususnya harus lebih memberikan perhatian dalam perkara **ini**. Jika pihak Kerajaan tidak mampu untuk memberikan pampasan yang jumlahnya lebih besar, saya ingin mencadangkan juga dalam sokongan terhadap Rang Undang-undang ini supaya Kementerian Sumber Manusia mengadakan perbincangan dengan mana-mana syarikat insurans untuk mengadakan usahasama, dengan izin, joint-venture dengan syarikat-syarikat insurans bagi menanggung jumlah pampasan yang akan dibayar kepada pekerja-pekerja. Jika perkara ini tidak dapat dilakukan dan pulangan pelaburan tidak dapat diberikan dengan jumlah yang banyak, tiba juga masanya di dalam usaha Kerajaan menswastakan badan-badan **ini**, bagi PERKESO untuk diswastakan dan diserahkan kepada mana-mana syarikat insurans untuk menjadi penanggung, sebagaimana terdapat sebuah skim insurans yang dipanggil sebagai GPA, dengan izin, Group Personal Accident. Dan jika syarikat insurans mengambil bahagian di dalam memberikah tanggungan terhadap pekerja-pekerja melalui caruman insurans, sebagaimana caruman insurans pekerja-pekerja terhadap PERKESO ini? Saya fikir tidak

timbul lagi persoalan-persoalan tentang jumlah pampasan yang kecil kerana saya fikir jika sumbangan-sumbangan yang diberikan oleh pekerja kepada syarikat-syarikat insurans yang mengambilalih penswastaaan PERKESO ini, maka caruman dari jumlah pekerja yang berjuta ramainya akan dapat membantu memberikan pampasan terhadap kemalangan-kemalangan yang berlaku ke atas pekerja-pekerja berkenaan.

Saya juga ingin merujuk di dalam Akta yang dibentangkan ini berkenaaa dengan Fasal 3, Seksyen 2 yang menyebutkan pecahan-pecahan (b)(i) hingga (vii) dan jelas daripada pecahan-pecahan ini menjurus ke arah memberikan pampasan-pampasaan kepada anak perempuan dan, dengan izin, next of kin, kepada pekerja-pekerja berkenaan. Tetapi saya ingin juga menyarankan supaya tibalah masanya dari segi pemberian pampasan ini hukum faraid mengikut hukum syarak Islam diberikan perhatian terhadap perkara ini. Walaupun kita faham Akta ini tidak hanya khusus untuk orang Islam tetapi inilah satu kaedah yang boleh kita mempergunakan di mana unsur-unsur Islam dimasukkan di sini. Kerana hukum faraid mengikut syarak memang jelas memberikan liputan kepada seluruh waris-waris. Dan perkara ini harus dilihat dengan lebih serius kerana kita tidak mahu peguam yang menyusun Akta ini dan meminda perkara ini, khususnya dalam fasal 3 ini, tidak sensitif terhadap tuntutan Islam dan ini bercanggah dengan hukum Islam untuk penganut-penganut Islam. Tetapi di dalam hukum syarak yang khususnya dalam perkara hukum faraid, jika hendak diubahsuaikan kepada orang Islam, saya fikir tentu ada ruang-ruang

yang boleh dipersesuaikan dengan orang yang bukan Islam. Perkara ini nampaknya kecil tetapi saya fikir kalau ianya dapat dipersesuaikan, Kerajaan bertanggungjawab terhadap ummahaya sama ada yang Islam atau bukan Islam. Jadi, kita bertanggungjawab di akhirat, apatah lagi kita bertanggungjawab di dunia. Jika kita terlepas di akhirat, insya Allah, bagi orang yang soleh, pemimpin-pemimpin yang soleh, saya fikir inilah rasanya pemimpin-pemimpin kita harus melihat unsur-unsur Islam dimasukkan dalam perkara ini.

Begitu juga di dalam pindaan-pindaan yang disebutkan di dalam huraian di muka belakang yang ingin saya sentuhkan ialah tentang soal yang menyentuh Fasal 38 yang bertujuan untuk meminda daripada seksyen 98A Akta, bagi membolehkan tanggungan berhak mendapat faedah-faedah di bawah Akta dan diberikan pampasan di bawah Akta Pampasan sebagaimana yang disebutkan. Di dalam perkara ini, pada hemat saya, apa yang harus kita berikan perhatian ialah tentang soal liputan kepada waris-waris yang terdekat supaya ianya tidak diselewengkan. Kerana dari segi pecahan dalam fasal ini menyebutkan orang tanggungan tidak berhak mendapat pencen penakat dan faedah orang tanggungan kedua-duanya bagi tampoh yang sama. Pada hemat saya, dalam fasal ini jelas memperlihatkan supaya tidak ada penduaan, tidak ada redundancy, dengan izin, pada seseorang untuk menerima pampasan daripada dua pihak.

Atau dalam ertikata yang lain, seorang pewaris itu tidak boleh menerima pencen ataupun pampasan sebanyak dua kali. Tetapi pada hemat saya, dalam perkara ini kalau hendak digantikan seksyen 96A dengan Fasal 38 ini, kita harus melihat bahawa pencen penakat dan faedah tanggungan yang diterima oleh pewaris-pewaris harus dilihat dari segi bukan berapa jumlah atau kadar yang diterima oleh seseorang pewaris tetapi harus dilihat dalam Fasal ini, seseorang pewaris itu harus menerima daripada hak yang harus diterimanya, bukan dari segi jumlah atau kadar yang lebih tinggi yang harus diterimanya.

Begitu juga di dalam Fasal yang berikut, iaitu Fasal 39 yang menyebutkan, memberikan kuasa kepada Menteri dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin yang mempersoalkan kuasa Menteri bagi mengecualikan mana-mana perindustrian atau golongan perindustrian kepunyaan mana-mana badan berkanun daripada kuatkuasa Akta ini. Bagi saya, Akta atas pekerja, atas nama tenaga buruh dan tenaga kerja, kuasa Menteri ini hendaklah dilihat di mana-mana keadaan pekerja-pekerja yang tidak tertakluk kepada Akta ini. Ertinya, pekerja-pekerja yang terletak di bawah badan-badan berkanun yang dikecualikan dengan adanya kuasa Menteri. Bagi saya, perkara ini harus dilihat dengan cara mendalam. Kita tahu bahawa Menteri tidak akan menyalahgunakan kuasanya terhadap pekerja-pekerja di mana-mana badan-badan berkanun yang dikecualikan. Tetapi bagi saya, jika pekerja itu bekerja di dalam sektor apa pun, khususnya pekerja-pekerja dalam Kumpulan C atau D dan dalam pindaan ini, saya lihat pekerja-pekerja yang mempunyai gaji sehingga mencapai \$2,000 akan diberikan liputan kepada Akta ini.

Tetapi kuasa Menteri yang dimaksudkan di sini, saya fikir janganlah disebabkan syarikat-syarikat berkenaan atau pekerja-pekerja berkenaan bekerja dengan Kerajaan, maka Menteri menggunakan kuasanya untuk mengelakkan daripada membayar pampasan kepada pekerja-pekerja ini. Kerana walaupun mereka sebagai pekerja diberikan pencen dan mereka berada di tahap pencen, dan juga mendapat liputan insurans yang mungkin dicarumkan juga oleh badan-badan berkanun berkenaan. Tetapi saya fikir kerana tenaga buruh, tenaga kerja adalah merupakan tenaga utama di negara ini untuk menggerakkan industri, bidang perkhidmatan dan sebagainya, saya fikir akta ini harus melihat Fasal 39 dengan seikhlas-ikhlasnya supaya tidak akan terjadi penasihat-penasihat Menteri memberikan salah nasihat kepada Menteri berkenaan untuk mengecualikan mana-mana badan berkanun daripada kuatkuasa Akta ini.

Begitu juga di dalam Fasal 34 yang bertujuan meminda Seksyen 83 Akta ini iaitu untuk memberi Menteri kuasa bagi menamakan seorang anggota silih-ganti dengan izin, ini adalah sebagai alternate director atau alternate officers bagi menganggotai Lembaga Rayuan Keselamatan Sosial. Bagi saya Fasal ini haruslah diberikan kelonggaran ataupun diperluaskan maksud dan huraianya kerana saya fikir Lembaga Rayuan Keselamatan Sosial ini ditubuhkan adalah bagi mengkaji kes-kes yang berkaitan dengan rayuan-rayuan ketidakpuas

hatian terhadap jumlah pampasan atau ciri-ciri serta kaedah-kaedah bagaimanakah pampasan ini hendak dibuat atau ketidakpuasan-hati terhadap kelonggaran-kelonggaran dan liputan-liputan terhadap pekerja-pekerja yang mendapat jumlah pampasan yang kecil.

Saya fikir dalam perkara ini kuasa Menteri haruslah diperluaskan dengan memberikan peluang kepada pertubuhan-pertubuhan sosial dan juga memberikan peluang kepada kesatuan-kesatuan sekerja untuk duduk di Lembaga Rayuan Keselamatan ini bagi memberikan pandangan bagi pihak pekerja-pekerja dan juga memberikan satu input bagi pihak pekerja-pekerja yang berada di luar ruang lingkup yang diperbadankan di dalam akta ini kerana kita faham bahawa prosiding Lembaga Rayuan dengan maksud untuk diteruskan walaupun anggota itu tidak hadir. Saya ingin, menyeru pihak Mentari berkenaan supaya orang yang menjadi anggota silih-ganti ini tidak semestinya terdiri daripada pegawai-pegawai buruh yang bekerja di Kementerian Sumber Manusia sahaja. Saya ingin menekankan sekali lagi harus diberikan juga peluang kepada pegawai-pegawai di dalam pertubuhan sosial dan juga di dalam kesatuan-kesatuan sekerja.

Selain daripada itu saya juga ingin menyentuh Fasal 42, yang antara lain menyebutkan di dalam huraianya untuk menghalang mana-mana orang lain membuat apa-apa tuntutan bagi pihak orang berinsurans atau orang tanggungannya untuk kepentingan diri orang itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku dau saya menyokong kepada pindaan ini keraaa apa yang berlaku di dalam pembayaran pencen pekarja-pekerja Keretapi Tanah Melayu satu ketika dahulu. Apabila orang yang telah meninggal dunia yang secara kebetulan orang itu meninggal dunia di India, tetapi ada orang lain yang menuntut pencen bagi pihak orang yang mati itu dan bukan terdiri daripada pewaris-pewaris. Saya tidak faham bagaimanakah pewaris-pewaris itu yang bukan pewaris sebenarnya dapat menuntut pencen berkenaan kerana yang diperlukan ialah cap jari. Saya fikir tentulah ada satu kaedah di mana cap ibu jari simati itu atau ibu jarinya dipotong dan disejukkan untuk dithumbprintkan di dalam borang pencen berkenaan. Jadi, keadaaa ini di dalam zaman canggih ini kalau keadaan ini berterusan, saya fikir kelemahannya ialah kelemahan pihak berkenaan. Kerana kepentingan seaeorang pewaris haruslah diberikan keutamaan bukan orang-orang yang tidak ada kepentingan atau yang tidak hubungan dengan pewaris yang mengambil kesempatan dalam perkara ini.

Kita juga tidak mahu ada sindiket-sindiket tertentu yaag mengambil kesempatan dengan kerjasama orang-orang dalam untuk mengetahui secara terperinci orang-orang yang tidak sepatutnya mendapat pampasan menuntut pampasan berkenaan. Walau pun kita minta satu usaha dibuat agar pampasan-pampasan ini tidak terlepas kepada

tangan orang lain, iui tidaklah kita bermaksud untuk memberikan kebenaran kepada pihak PERKESO untuk melambat-lambatkan bayaran pampasan kepada pekerja-pekerja yang harus mendapat pampasan. Kerana saya ingin tahu berapakah sebenarnya purata lama sesuatu tuntutan pampasan itu dapat diserahkan kepada pewaris-pewaris berkenaan atau kepada pekerja-pekerja yang menuntut pampasan berkenaan. Kerana ini berlaku di dalam sebuah syarikat akhbar di mana seorang pekerja akhbar yang saya dimaklumkan putus ibu jarinya dalam mesin pencetak akhbar tetapiuntutannya hanya dibayar 3½ tahun selepas peristiwa ini berlaku. Sepatutnya pihak PERKESO harus mencari jalan setelah siasatan dibuat, setelah medical check-up dibuat, dengan izin, suatu prosiding yang segera atau satu usaha yang segera hendaklah dibuat supaya pembayaran-pembayaran ini dapat dibayar semasa orang itu masih berada di dalam penderitaan. Kalau 3½ tahun selepas sesuatu kemalangan itu berlaku, ertinya waris atau orang yang berkenaan telah hilang rasa sakitnya.

Mengikut Islam kalau seseorang pekerja itu dibayar pampasan atau seseorang pekerja itu dibayar upah semasa peluhnya belum kering. Itu mengikut kaedah Islam. Jadi kalau kita mahu panjangkan kias dalam perkara ini kalau seseorang pekerja itu yang mengalami sesuatu kemalangan atau keadaan, dibayar lebih awal terutamanya apabila masih berada di dalam kesakitan dan dalam kesengsaraan. Itu adalah satu langkah yang afdal yang harus dibuat oleh pihak Kerajaan.

Fasal 43 juga menyebutkan dalam Akta ini supaya Orang-orang Asli nomad, orang-orang yang diambil bekerja untuk menangkap ikan di perairan maritim atau diambil bekerja di atas mana-mana vesel yang digunakan bagi maksud itu dan semua pekerja pertanian yang diambil bekerja bagi maksud menanam, memelihara dan menuai padi. Saya fikir ini adalah suatu perkara baru yang harus disokong oleh rakan-rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Negara **ini**. Kerana bagi kita, kita lihat ramai di antara Orang-orang Asli yang dipergunakan oleh pembalak-pembalak di dalam hutan yang dibayar gaji dengan gaji yang rendah, yang tidak diberikan pampasan apabila berlaku kemalangan kerana mereka ini kebanyakannya mungkin buta huruf.

Dan eksploitasi ini dilakukan oleh pembalak-pembalak yang mempunyai keuntungan yang tinggi. Dan bagi kita, kita harap mana-mana syarikat yang menjalankan usaha-usaha dan telah diliputi dalam Akta ini yang mempunyai pekerja lebih daripada seorang, adalah wajib untuk mencarum di sini. Ini adalah satu langkah yang baik.

Begitu juga nelayan-nelayan yang diambil bekerja oleh nelayan-nelayan yang mempunyai bot yang banyak terutama di dalam keadaan sekarang ini nelayan-nelayan. di luar pantai dan nelayan-nelayan bot laut dalam. Kerana kita kluatir pekerja-pekerja di dalam syarikat-syarikat perikanan yang menerima kemalangan di perairan maritim apabila tidak ada laporan dibuat; apabila medical check-up, dengan izin, tidak dibuat kerana pihak majikan mahu menyocokkan fakta-fakta terhadap kemalangan yang berlaku ke atas pekerja-pekerjanya akan menjadikan unsur eksploitasi terhadap pekerja-pekerja berkenaan.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia jika perkara ini dapat dilaksanakan. Inilah masanya Kementerian Sumber Manusia harus menghantar pegawai-pegawai penguatkuasanya untuk melihat senarai nama-nama pekerja di dalam syarikat-syarikat perikanan ini dan memastikan supaya pekerja-pekerjanya juga mencarum ke dalam PERKESO ini. Begitu juga ada di antara penananr-penanam padi yang dahulu penanam-penanam padi ini adalah pekerja-pekerja yang terdiri

daripada saudara-mara dan sebagainya, tetapi saya fikir di dalam liputan Akta (Pindaan) ini, pekerja-pekerja yang menanam padi dan menuai padi, saya fikir apa yang perlu diambil kira bukan sekadar di dalam kalangan pekerja-pekerja penanam-penanam padi, tetapi saya tidak fikir di dalam bidang-bidang yang lain juga adalah perlu. Tetapi persoalan pokok yang harus dilihat jika perkara ini hendak dibuat liputan ialah tentang soal adakah tuan-tuan tanah yang mempunyai kawasan sawah padi yang luas ini berdaftar dengan PERKESO? Saya fikir pegawai-pegawai penguatkuasa PERKESO di dalam melaksanakan Fasal 43 Akta (Pindaan) ini haruslah serius, haruslah bersungguh-sungguh di dalam melaksanakan pindaan-pindaan yang melibatkan Orang Asli nomad pekerja-pekerja di perairan maritim dan juga pekerja-pekerja padi ini.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta Kementerian Sumber Manusia di mana Yang Berhormat Timbalan Menterinya ada di sini memberikan perhatian terhadap saranan-saranan yang diberikan oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Negara ini dan saya fikir Kementerian Sumber Manusia akan berkemampuan memberikan lebih banyak tenaga-tenaga, pegawai dan pekerja dalam bahagian penguatkuasa bagi memastikan pelaksanaan Akta ini dengan sepenuhnya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Tuan Rahim hendak bercakapkah? Ada sesiapa hendak bercakap? Tidak ada. Tidak ada tidak apalah. Saya minta Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab. Silakan.

5.14 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini iaitu Yang Berhormat Senator C. Krishnan, Yang Berhormat Senator Dahlan bin Haji Embun, Yang Berhormat Senator Munisamy, Yang Berhormat Senator Dato' Azumu bin Tak, Yang Berhormat Senator Hajah Rogayah binti Che Mat, Yang Berhormat Senator Kalthom binti Haji Othman, Yang Berhormat Senator Ho Cheng Wang, Yang Berhormat Senator Hajah Salbiah binti Mohd. Akim, Yang Berhormat Senator Jen (B) Tan Sri Ghazali bin Dato' Mohd. Seth, Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin dan Yang Berhormat Senator Haji Ahmad Zahid bin Hamidi.

Apabila Rang Undang-undang ini dikemukakan di Dewan Rakyat ini, sejumlah 5 orang Ahli Dewan Rakyat telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, tetapi nampaknya pada hari ini seramai 12 Ahli Senator ada mengambil bahagian. Ini adalah satu tanda yang baik. Bagi pihak Kementerian saya mengucapkan terima kasih dan komen-komen dan pandangan-pandangan yang diterima dari Yang Berhormat-Yang Berhormat memang Kementerian saya ambil berat dalam hal-hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan dari Senator C. Krishnan, Senator Dato' Azumu Tak dan Senator Haji Ahmad Zahid mengenai perkara tindakan jika majikan gagal mendaftar dengan PERKESO. Berkenaan dengan kebanyakan majikan yang liable tidak mencarum kepada PERKESO, dalam satu siasatan pintu ke pintu yang dibuat oleh PERKESO dalam perusahaan di Lembah Kelang, didapati kira-kira 10% daripada jumlah majikan yang liable, dengan izin, tidak mendaftar dan tidak mencarum. Tindakan siasatan ini akan dibuat bagi seluruh negeri dan siasatan follow-up, dengan izin, akan diambil untuk menentukan bahawa majikan yang liable sebenarnya mencarum kepada PERKESO bagi pekerja-pekerja mereka.

Selain daripada itu, dengan maklumat yang dilaporkan kepada PERKESO, tindakan siasatan akan diambil terhadap majikan-majikan tertentu yang tidak mencarum kepada PERKESO. Saya menggesa Yang-Berhormat-Yang Berhormat sekiranya mendapat maklumat mengenai adanya majikan-majikan yang tidak mencarum kepada PERKESO, silalah sampaikan maklumat itu kepada saya untuk diambil tindakan. Saya memberi jaminan bahawa Kementerian Sumber Manusia akan menyiasat kes-kes tersebut dan menentukan supaya majikan mencarum kepada PERKESO. Kementerian Sumber Manusia akan menjamin hak pekerja-pekerja PERKESO adalah untuk kebaikan pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada masa sekarang tidak ada hadiah wang tunai diberi untuk laporan tersebut, tetapi jika kegagalan mendaftar dan mencarum bertambah pada masa hadapan,

Kementerian Sumber Manusia bercadang mempertimbangkan - sistem insentif untuk menggalakkan. orang ramai menyampaikan maklumat-maklumat mengenai majikan, the faulttest, dengan izin, itu. Dengan cara itu PERKESO tidak akan menghadapi kesukaran mendapatkan maklumat tentang majikan - the faulttest.

Mengenai perkara kelayakan. mendapat faedah PERKESO hanya selepas 15 bulan caruman diterima yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator K. Muniasamy, sebenarnya tidak ada peruntukan SOCSO yang menyatakan ianya berkuatkuasa selepas 15 bulan caruman diterima. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 memperuntukkan dua skim insurans sosial iaitu pertama, Skim Insurans Bencana Pekerjaan untuk melindungi orang-orang berinsurans terhadap kejadian-kejadian luar jangka kemalangan perusahaan dan penakat khidmat.

Kedua, Skim Pencen Ilat untuk melindungi orang-orang berinsurans terhadap kejadian-kejadian luar jangka ilat dan kematian akibat daripada sebarang sebab. Di bawah Skim Bencana Pekerjaan tidak ada apa-apa syarat pencaruman dikenakan untuk mendapatkan apa-apa faedah, cuma orang berinsurans itu hendaklah ditimpa bencana kerja, iaitu bencana kepada pekerja itu sendiri disebabkan oleh kemalangan atau satu penakat khidmat terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya dalam sesuatu perusahaan yang terhadapnya Akta ini terpakai.

Bagaimanapun, di bawah Skim Pencen Ilat memang ada syarat kelayakan caruman dikenakan untuk mendapatkan faedah itu, syarat kelayakan caruman bagi tempoh kelayakan penuh atau tempoh kelayakan yang dikurangkan.

Berhubung dengan syarat-syarat kelayakan caruman itu melalui Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1991 yang dibentangkan ini, caruman minimum bagi tiap-tiap tempoh kelayakan itu akan dikurangkan sebanyak 1.3 iaitu daripada 36 bulan kepada 24 bulan sahaja. Selaras dengan dasar ini tempoh yang diambil kira bagi kelayakan penuh akan juga dikurangkan daripada 60 bulan kepada 40 bulan berturut-turut, sebelum bulan notis ilat diterima bagi Pencen Ilat atau sebelum bulan kematian orang berinsurans bagi Pencen Penakat dan faedah pengurusan mayat. Pengurusan itu adalah munasabah.

Menjawab soalan dari Yang Berhormat Senator C. Krishnan iaitu di mana gaji pekerja melebihi \$2,000 ke atas, bagaimanapun di bawah Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1991 yang dibentangkan ini, pekerja-pekerja yang bergaji lebih daripada \$2,000 sebulan dan belum pernah layak di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 boleh diberi perlindungan di bawah Akta itu secara pilihan dan tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak, iaitu majikan dan pekerja dan juga kepada syarat bahawa jika

pekerja sedemikian telah mula diliputi oleh Akta itu dia akan terus diliputi oleh Akta itu.

Menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Munisamy a/l Kuppan iaitu mengenai perlindungan PERKESO bagi Domestic Servant. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 mengecualikan Domestic Servant daripada kuatkuasa Akta itu. Ini ialah atas sebab masalah penguatkuasaan. Bagaimanapun perkara ini boleh dikaji semula oleh Kementerian Sumber Manusia.

Menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Munisamy juga dan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi mengenai faedah PERKESO yang tidak memuaskan. Adalah tidak benar faedah-faedah PERKESO tidak memuaskan, malah faedah-faedah PERKESO adalah tinggi. Sebagai contoh mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang dikuatkuasakan pada masa ini -

- (i) kadar harian maksima faedah hilang upaya sementara ialah \$25.33, manakala minima ialah \$8.00.
- (ii) kadar harian maksimum faedah hilang upaya langsung ialah kekal \$28.50, manakala minimumnya ialah \$8.00
- (iii) bayaran pukal faedah hilang upaya kekal boleh sampai kepada \$51,146.10.
- (iv) kadar harian penuh faedah orang tanggungan ialah antara \$8.00 hingga \$28.50. Kadar bulanan Pencen

Ilat ialah antara \$171.43 hingga \$617.50.

- (vi) kadar bulanan penuh Pencen Penakat ialah antara \$171.43 hingga \$617.50.

Di bawah Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1991 yang dibentangkan kali ini, kadar-kadar maksimum itu meningkat lagi seperti berikut:

Bagi faedah hilang upaya sementara dari \$25.30 sehari kepada \$52sehari.

Bagi faedah hilang upaya langsung yang kekal dari \$28.50 sehari kepada \$58.50 sehari.

Bagi bayaran pukal faedah hilang upaya kekal dari \$51,146.10 kepada \$104,984.10.

Bagi faedah orang tanggungan dari \$28.50 sehari kepada \$58.50 sehari.

Bagi Pencen Ilat dari \$617.50 sebulan kepada \$1,267.50 sebulan.

Bagi Pencen Penakat dari \$617.50 sebulan kepada \$1,267.50 sebulan.

Menjawab teguran dari Yang Berhormat Tuan Dahlan bin Haji Embun mengenai retrenchement benefit, dengan izin, tidak ada peruntukan di bawah Akta PERKESO bagi retrenchement benefit, dengan izin, tambahan pula tabung PERKESO tidak- menjadi viable jika faedah itu dibayar tanpa mengenakan carum tambahan.

Menjawab teguran oleh Yang Berhormat Tuan Munisamy a/l Kuppan, perlindungan bekas pekerja selepas mencapai umur 55 tahun. Di bawah Skim Insuran Bencana Pekerjaan tidak ada had untuk ditetapkan.

Sekali lagi saya mengesahkan bahawa hanya untuk bencana pekerjaan sahaja atau, dengan izin, employment injury, ini bermakna di bawah skim pekerja masih lagi mendapat perlindungan walaupun dia telah berumur lebih 55 tahun dan syarat kelayakan caruman tidak dikenakan. Bagaimanapun di bawah Skim Pencen Ilat, dengan izin, Invalidity Pension Scheme, kecuali orang yang menerima Pencen Ilat, perlindungan diberikan selagi pekerja itu belum mencapai umur 55 tahun. Dalam hubungan ini seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengeluaran caruman Kumpulanwang Simpanan Pekerja boleh dibuat apabila pekerja itu mencapai umur 55 tahun.

Menjawab soalan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan mengenai soal caruman PERKESO dicantumkan dengan EPF.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai percantuman PERKESO dengan EFF, kita kena menunjuk tujuan dan cara operasi kedua-dua organisasi ini. Pada hakikatnya tujuan dan cara operasi adalah berlainan. EPF adalah simpanan Force Saving, dengan izin untuk pendapatan pada masa tua pekerja-pekerja, manakala PERKESO adalah skim insurans dan ia bukan skim simpanan dan bayaran ahli adalah caruman. yang mana faedah tidak akan dikembalikan dan hanya dibayar apabila timbul kejadian-kejadian tertentu. Oleh itu pencantuman kedua-dua

organisasi itu tidak sewajarnya dibuat kerana objektif dan cara operasinya berlainan.

Berkenaan dengan soal pengecualian pekerja-pekerja Dewan Bandaraya, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan C. Krishnan dan Yang Berhormat Senator Dato' Azumu Tak dan Yang Berhormat Senator Tuan. Haji Ahmad Zahid Hamidi. Berkenaan dengan soalan yang dikemukakan oleh ketiga-tiga orang Ahli Yang Berhormat pengecualian pekerja-pekerja Dewan Bandaraya, Pihak Berkuasa-Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun, saya ingin menunjukkan perhatian Yang Berhormat kepada Akta Pencen (Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan) 1980 dan juga kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Untuk makluman Yang Berhormat, pekerja-pekerja Dewan Bandaraya, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun yang tertakluk di bawah Akta Pencen (Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun) 1980, adalah dikecualikan daripada kuatkuasa Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 mulai 1hb November, 1984.

Ini adalah kerana pekerja-pekerja sedemikian telah diberi perlindungan dan layak mendapat faedah yang diperuntukkan di bawah Akta Pencen itu. Bagaimanapun, pekerja-pekerja yang tidak tertakluk di bawah Akta Pencen. itu masih lagi diliputi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 sehingga ke masa kini.

Bagaimanapun, berkenaan dengan soalan perlindungan PERKESO untuk pekerja sambilan daa kontrak yang berkhidmat dengan Kerajaan, Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji cadangan sama ada golongan ini boleh diliputi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Kementerian Sumber Manusia mengambil berat berkenaan dengan isu-isu ini kerana pada masa ini kakitangan sambilan dan kontrak yang berkhidmat dengan Kerajaan di negara ini dianggarkan berjumlah 10,000 orang yang tidak layak menerima sebarang faedah di bawah Akta Pencen yang memberi perlindungan keselamatan sosial dan kakitangan Kerajaan, maka Kementerian Sumber Manusia yang mengamalkan prinsip masyarakat penyayang akan mengkaji cadangan ini secara mendalam supaya golongan ini tidak tertinggal.

Mengenai soal pekerja kurang memahami hak mereka yang disoal oleh Yang Berhonnat Senator C. Krishnan, Yang Berhormat Senator Azumu Tak, Yang Berhormat Senator Puan Kalthom Haji Osman, Yang Berhormat Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim, Yang Berhormat Puan Senator Ainon Ariffin, saya ingin menjelaskan bahawa pegawai PERKESO memang ada memberi ceramah kepada pekerja-pekerja di tempat kerja

mereka. Dalam ceramah itu, penerangan yang mendalam berhubung dengan hak-hak pekerja, faedah-faedah yang diperuntukkan di bawah akta serta cara-cara membuat tuntutan telah diberikan. Penerangan-penerangan mengenai skim-skim PERKESO juga ada diberikan melalui Radio Malaysia dari masa ke semasa. PERKESO juga telah mengedarkan risalah-risalah dan poster-poster mengenai faedah di bawah akta kepada majikao-majikan, pekerja-pekerja dan Jabatan-jabatan Penerangan. Program publisiti secara besar-besaran sedang dirancang bagi tahun hadapan.

Selain daripada langkah yang diambil oleh PERKESO saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sekiranya ingia mengadakan kursus-kursus atau program-program publisiti di beberapa-tempat pekerja silalah berhubung dengan saya atau pegawai-pegawai PERKESO. Kementerian Sumber Manusia setitiasa bersedia untuk menolong di mana-mana yang boleh. Impian Kerajaan adalah untuk meluaskan skop perlindungan.

Menjawab Yang Berhormat Dato'Azumu Tak sama ada pengguna teksi boleh mencarum ke PERKESO. Pemandu teksi yang diambil bekerja di bawah satu kontrak perkhidmatan dan bergaji \$2,000 atau kurang sebulan telah terkeluar daripada prinsip 'sekali layak terus layak dalam perusahaan yang layak' diliputi oleh Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, layak diliputi di bawah akta itu, mesti ada employer/ employer relationship - memang harus ada.

Menjawab Yang Berhormat Dato' Azumu Tak sama ada pekerja kilang yang menggunakan motosikal layak mendapat faedah. Jawapannya, tentu-lah pekerja tersebut layak mendapat faedah. Dan juga soalan dari Yang Berhormat sama ada organisasi insurans pun boleh dicantum dengan PERKESO.

Jawapannya, saya fikir ini tidak boleh, oleh kerana prinsip dan tujuan kedua organisasi itu adalah berlainan,

Menjawab Yang Berhormat Dato' Azumu Tak, disoal mana lebih baik, Akta PERKESO atau Akta Pampasan Pekerja. Menjawab Yang Berhormat, Akta PERKESO jauh lebih baik daripada Akta Pampasan Pekerja 1982.

Menjawab Yang Berhormat Dato' Azumu Tak atas soal tugas pegawai pemeriksa, untuk menjelaskannya, pemeriksaan untuk memastikan majikan-majikan mematuhi kehendak Akta dan peraturan PERKESO sama ada pemeriksaan juga memberi penerangan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan PERKESO kepada majikan dan pekerja.

Menjawab Yang Berhormat Senator Ho Cheng Wang dengan soalan tuntutan mengenai kelayakan yang tidak berkaitan dengan kerja Tuntutan boleh dibuat untuk kematian dan ilat di bawah Skim Ilat dan Penakat.

Menjawab soal mengapa balu tidak layak mendapat faedah selepas berkahwin semula. Ini soalan dari Yang Berhormat. Puan Kalthom Haji Osman dan Yang Berhormat Hajah Salbiah Mohd. Akim. Saya tidak boleh baca tulisan saya sendiri [**Ketawa**] minta maaf, Yang Berhormat. Pada prinsipnya, balu yang berkahwin semula bukannya tanggungan suaminya yang meninggal dunia selepas berkahwin semula. Balu itu sebenarnya menjadi tanggungan suaminya yang baru. Itulah sebabnya balu itu tidak lagi layak mendapat faedah selepas berkahwin semula. Dari pandangan saya sebagai peguam, bukan sebagai Timbalan Menteri, janganlah kahwin.

Tuan Adam bin Kadir: Mana boleh tidak kahwin, kalau mahu kahwin. [**Ketawa**]

Dato' M. Mahalingam: Satu pilihan mahu dibuat.

Tuan Adam bin Kadir: Pilihan pun mesti kahwin juga.

Dato' M. Mahalingam: Menjawab Jen. (B) Tan Sri Ghazali mengenai

fund tabung dikemukakan untuk penjamin. Maksud fund itu adalah untuk penjamin perumahan dan kemudahan untuk pegawai dan kakitangan sahaja. Skim penjamin itu adalah mengikut Peraturan Perbendaharaan dan diluluskan oleh Lembaga.

Menjawab Yang Berhormat Jen. (B) Tan Sri Ghazali juga mengapa ada Lembaga Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib. Untuk menjamin keadilan, kedua-dua Lembaga itu perlu ada ialah kerana jika seorang kakitangan PERKESO itu tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Tatatertib, dia boleh merayu kepada Lembaga Rayuan Tata-tertib.

Tuan Adam bin Kadir; Tertarik, bukan teh tarik,

Dato' M. Mahalingam: 5.30 boleh minum teh tarik. [Kctawa]

Menjawab Yang Berhormat Senator Puan Aion Ariffin adakah Rang Undang-undang ini Akta asal atau Akta pindaan. Menjawab Yang Berhormat berkenaan Rang Undang-undang ini adalah akta pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja tahun 1969 yang bertujuan antara lain untuk memperluaskan liputan Akta itu kepada lebih banyak majikan dan pekerja. Kedua, memperbaiki lagi struktur faedah.

Menjawab Yang Berhormat Senator Puan Aion Ariffin, Yang Berhormat Haji Ahmad Zaid Hamidi kuasa Menteri untuk mengecualikan badan-badan berkanun dan lain perusahaan. Biasanya pengecualian diberikan jika pekerja-pekerja dalam perusahaan itu mendapat faedah yang sama atau lebih baik daripada yang diperuntukkan di bawah Akta PERKESO itu.

. Menjawab Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zaid Hamidi berkenaan dengan PERKESO yang disyor diswastakan, setakat ini Kerajaan telah memutuskan tidak akan menswastakan PERKESO. Ini satu polisi yang dibuat keputusan oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap Akta ini dibuat setelah kajian dan penelitian mendalam dibuat dalam segala aspek khususnya dari segi majikan pekerja-pekerja.

Oleh itu, dari segi penguatkuasaan pindaan Akta ini, kebajikan dan keselamatan pekerja adalah keutamaan yang akan diambilkira oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kementerian saya sebentar tadi. Sekian, Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Adam bin Kadir menpengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang«

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG ORGANISASI ANTARABANGSA
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1991**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bagi pihak

Kementerian Luar Negeri supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta berhubung dengan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan organisasi-organisasi antarabangsa tertentu dan orang-orang yang ada kaitan dengannya, dan bagi maksud-maksud lain dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk mewujudkan suatu Akta yang lengkap dan menyeluruh bagi uruaan pentadbiran keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan kepada organisasi antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi-agensi khas Bangsa-Bangsa Bersatu. Sebagaimana Latarbelakang keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan bagi perwakilan-perwakilan diplomatik di Malaysia adalah ditentukan oleh Konvensyen Vienna mengenai hubungan diplomatik tahun 1961, dengan izin, Vienna Convention On Diplomatic Relation yang mana Malaysia telah menyertai pada tahun 1965.

Konvensyen tersebut telah dikuatkuasakan di Malaysia melalui Akta Keistimewaan Diplomatik 1966. Keistimewaan dan kekebalan bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi-agensi khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah masing-masing ditentukan oleh Konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tahun 1946, Convention on Privileges and Innunities of Che Onited Nations 1946 dan konvensyen mengenai Keistimewaan dan Kekebalan bagi agensi-agensi khas Bangsa-Bangsa Bersatu tahun 1947. Malaysia telah menyertai kedua-dua konvensyen

tersebut, masing-masing pada tahun 1957 dan 1962 tanpa sebarang syarat.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua konvensyen tersebut telah dikuatkuasakan di Malaysia. melalui perintah undang-undang tempatan yang dibuat di bawah Ordinan Keistimewaan Diplomatik tahun 1948, *Diplomatic Privileges Ordinance 1948*. Kedua-dua perintah undang-undang seperti berikut:

Yang pertama, *Perintah Keistimewaan Diplomatik 1949* (Bangsa-Bangsa Bersatu dan Mahkamah Keadilan Antarabangsa) atau *The Diplomatic Privileges of United Nations and Internatioaal Courts of Justice Order 1949*, yang memberikan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan tertentu kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kakitangannya termasuk wakil-wakil daripada negara-negara ahli yang menghadiri persidangan am atau persidangan lain yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kedua, *Perintah Keistimewaan Diplomatik 1949* (Agensi-agensi Khas) atau *The Diplomatic Privileges (Specialised Agencies) Order 1949* yang memberikan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan tertentu kepada agensi-agensi khas Bangsa-Bangsa Bersatu dan kakitangannya termasuk wakil-wakil dari negara-negara ahli yang menghadiri persidangan yang dianjurkan oleh agensi-agensi khas Bangsa-Bangsa Bersatu, Walaupun agensi-agensi khas telah bertambah selepas tarikh perintah tersebut dan penyertaan Malaysia pun juga telah bertambah, namun perintah tersebut tidak dikemaskinikan.

Tuan Tang di-Pertua, selepas pemansuhan Ordinan. Keistimewaan Diplomatik 1948, Perintah Keistimewaan Diplomatik 1949 (Bangsa-Bangsa Bersatu dan Mahkamah Keadilan Antarabangsa) dan Perintah Keistimewaan Diplomatik 1949 (Agensi-agensi khas), terus berkuatkuasa di bawah ordinan keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 tanpa dipinda atau dikemaskinikan. Selain daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi-agensi khas Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia juga telah menjadi ahli kepada beberapa organisasi antarabangsa seperti International Natural Rubber Organisation dan International Telecommunication Satellite Organisation dan organisasi-organisasi serantau seperti Asia—Pacific Development Centre dan Asia—Pacific Telecommunications melalui konvensyen atau perjanjian beberapa organisasi antarabangsa dan organisasi rantau tersebut ataupun menubuhkan ibu pejabat di Malaysia melalui perjanjian berasingan yang dipanggil Perjanjian Ibu Pejabat ataupun, dengan izin, Head Quarters Agreement.

Malaysia telah memberi beberapa keistimewaan dan kekebalan kepada organisasi-organisasi tersebut dan kakitangannya melalui konvensyen, perjanjian, Perjanjian Ibu. Pejabat ataupun secara prosedur pentadbiran, dengan iain, administrative arrangement. Konvensyen-koavensyen dan perjanjian-perjanjian. tersebut juga memerlukan Kerajaan Malaysia memberi beberapa keistimewaan dan kekebalan yang tertentu kepada ahli-ahli yang menghadiri persidangan antarabangsa atau persidangan serantau yang dianjurkan di Malaysia

oleh organisasi antarabangsa atau organisasi serantau termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi-agensi khas Bangsa-Bangsa Beraatu.

Peruntukan-peruntukan Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 yang berkaitan dengan organisasi antarabangsa adalah didapati tidak memadai dan tidak lengkap untuk memberi kuasa perundangan kepada segala keistimewaan dan kekebalan yang telah diberikan kepada organisasi antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi-agensi Bangsa-Bangsa Bersatu oleh Kerajaan Malaysia. Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957, juga tidak memadai atau mencukupi untuk memberi kuasa perundangan kepada segala tanggungjawab. Kerajaan Malaysia selaras dengan konvensyen atau perjanjian yang mana Malaysia telah menyertai atau menandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, olen itu adalah perlu dibentangkan Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan kekebalan) 1991 ini bagi mengelakkan keadaan di mana suatu keistimewaan dan kekebalan yang telah diberikan kepada organisasi antarabangsa atau kakitangannya melalui konvenayen atau perjanjian itu tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut undang-undang oleh kerana Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 tidak memberi peruntukan yang lengkap. Ini juga dapat mengelakkan keadaan di mana kekebalan daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang tidak diiktirafkan oleh mahkamah di Malaysia tanpa adanya peruntukan yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan memansuhkan Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Kousular 1957 yang berkaitan dengan Organisasi Antarabangsa. Perintah baru akan dikeluarkan oleh Kerajaan di bawah peruntukan Rang Undang-undang ini untuk menggantikan Perintah Keistimewaan Diplomatik- 1949 (Bangsa-bangsa Bersatu dan Mahkamah Keadilan Antarabangsa) dan Perintah Keistimewaan Diplomatik 1949 (Agensi-agensi Khas), yang pada masa sekarang terus berkuatkuasa dengan tidak dipinda atau dikemaskinikan di bawah Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 selepas pemansuhan Ordinan Keistimewaan Diplomatik 1948.

Tuan Yang di-Pertua, perintah-perintah baru juga akan dikeluarkan di bawah peruntukan Rang Undang-undang ini untuk memberi kuasa perundangan kepada segala tanggungjawab berkenaan dengan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan selama dengan konvensi ataupun perjanjian yang mana Malaysia telah menyertai dan menandatangani. Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dengan apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Dengan adanya Rang Undang-undang sedemikian, kesemua peraturan berkaitan pemberian keistimewaan dan kekebalan kepada organisasi antarabangsa dapat diselaras dan disatukan bagi menjadikannya lebih kemas dan teratur serta lebih meliputi. Ini akan menyenangkan pertimbangan dan urusan

pemberian keistimewaan dan kekebalan oleh Kerajaan, memandangkan terdapat pelbagai organisasi antarabangsa sekarang ini yang ada penglibatan Malaysia termasuk organisasi di luar kumpulan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, di antaranya yang telah menubuhkan ibu pejabatnya di Malaysia yang selama ini telah diberi keistimewaan dan kekebalan. berkenaan melalui perjanjian khas ataupun secara pentadbiran. sahaja.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini akan memberi perlindungan dan. kuatkuasa perundangan apabila timbul apa-apa pertikaian perundangan yang mungkin berlaku daripada pelaksanaan keistimewaan dan kekebalan di negara ini

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. .

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan. Douglas Uggah Embas] Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta yang berhubungan dengan keistimewaan-keistimewaan. dan kekebalan-kekebalan organisasi-organisasi antarabangsa tertentu dan orang-orang yang ada kaitan dengannya dan bagi maksud-maksud lain dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Tuan Azman.

5.53 ptg.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya membahaskan di dalam Rang Undang-undang yang baru sahaja dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen.

Pertama, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah dapat menyediakan satu Rang undang-undang yang saya fikir memang patut dan sudah sampai masa dan ketikanya, di mana negara Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang sudah terkenal dan terkemuka di antarabangsa. Maka perlulah satu Rang Undang-undang untuk memberikain perlindungan kepada diplomat-diplomat asing apabila mereka datang ke negara kita menghadiri konvensyen-konveusyen ataupun menjadi duta atau wakil kepada negara-negara luar kepada negara kita di mana suatu Akta yang berhubung dengan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan organisasi-organisasi antarabangsa tertentu dan orang-orang yang ada kaitan dengannya, dan bagi maksud-makaud lain.

Cuma saya sebelum membahas Rang Undang-undang ini, saya amat hairan kenapa perkataan "kekebalan" pula yang dimaksudkan. Setahu saya perkataan "kebal" ini, orang menuntut ilmu kebal, tetapi mungkin setelah penyedia ataupun yang melengkapkan Rang Undang-undang ini memikirkan perkataan "kekebalan" sesuai dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Adam bin Kadir: Kebal maknanya tidak lut.

Tuan Azman Atar bin Othman: Yalah. Saya percaya semua faham ' perkataan "kekebalan" ini, ini ada maksud baru. Saya harap selepas saya membahas, oleh kerana Bil ini merupakan satu Rang Undang-undang yang saya rasa patut kita sama-sama mengambil bahagian kerana dalam membahaskan. Rang Undang-undang ini kita berhak dan boleh bercakap dan boleh menasihatkan kepada pembesar-pembesar luar dan kepada wakil-wakil negara luar, mahupun dia merupakan ambassador ataupun

diplomats yang akan duduk di negara kita ataupun datang berkonvensyen ataupun apa sahaja yang datang secara rasmi yang dihantar oleh negara-negara mereka ke negara kita supaya mereka ini dapat kita berikan perlindungan yang sewajar, yang baik, yang lengkap dan kemudahan-kemudahan yang lain-lain.

Saya juga berani bercakap di sini mengakui bahawa di dalam keselamatan untuk menentukan semua wakil-wakil negara lain. datang ke Malaysia ini sudah terjamin 100% keselamatan mereka dan tidak diragui, terutamanya memandangkan kepada Pasukan Polis, Pasukan Keselamatan dalam negara kita yang begitu baik, yang begitu boleh kita anggap salah satu Pasukan Polis yang terbaik dalam dunia, di dalam mencari maklumat, di dalam menjaga keselamatan dah juga di dalam menghapuskan kes-kes jenayah, Maka saya rasa tidak menjadi keraguan kepada kita apabila kita menyediakan Rang Undang-undang ini untuk memberikan perlindungan, keistimewaan dan kekebalan kepada diplomat luar yang berada dalam negara kita. Cuma apa yang saya suka nasihatkan, setelah Rang Undang-undang ini berkuatkuasa, setelah kita memberikan kemudahan keistimewaan kepada diplomat-diplomat luar yang datang ke negara kita, mahupun mereka datang untuk duduk tetap atau datang berkonvensyen selama seminggu, dua minggu dan sebagainya, supaya mereka jangan menyalahgunakan kuasa.

Saya suka menasihatkan di sini yang mana kami takut-takut penyalahgunaan kuasa. Apabila Kerajaan telah memberikan keistimewaan, saya takut-takut kalau mereka tni ada yang menjadi spy kepada negara-negara luar yang sentiasa cemburuan terhadap

pembangunan di negara Malaysia ini, ataupun cuba hendak mensabotaj negara kita. Ini perlu kita berikan nasihat kepada mereka. Dari segi jaminan keselamatan, ini penting. Ini maknanya, sudah tentu terjamin, cuma dari segi bila mereka ini sudah dapat keistimewaan kita takut mereka menyalahgunakan kuasa. Setelah Rang Undang-undang ini diluluskan, saya minta supaya mereka yang diberikan keistimewaan, terjamin dari segi apa juga termasuklah kekebalan dan sebagainya, supaya jangan campur-tangan dalam politik dalaman atau menyokong mana-mana parti Pembangkang dalam negara kita ini.

Ini adalah satu daripada yang harus kita nasihatkan supaya kita tidak mahu berlaku, dengan adanya satu-satu negara ataupun diplomatik-diplomatik asing yang kita berikan kemudahan, kemewahan sehingga dia pergi ke mana-manapun polis tidak ada kuasa hendak tahan, hendak siasat, hendak periksa dan sebagainya tetapi di sebalik itu mereka sabotaj, manjadi dalang atau menjadi duri dalam daging kepada negara kita. Apabila timbul satu-satu isu krisis politik dalam negara, mereka pula menjadi penyokong atau menyebelahi kepada parti Pembangkang dan kami minta pihak yang bertanggungjawab setelah Rang Undang-undang ini diluluskan nanti, rmemastikan supaya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi tidak akan berlaku kepada diplomatik asing yang telah kita berikan kemudahan dan keistimewaan di dalam negara kita sendiri.

Selain daripada itu kita juga ingin menasihatkan mereka ini supaya menghormati budaya bangsa kita, negara kita- dan jangan pula membawa budaya luar supaya mempengaruhi rakyat di negara kita ini sehingga menjadi kacau-bilau dan sehingga menjadi keburukan kepada negara kita. Ini penting.

Maka itu sebabnya saya sebutkan awal-awal tadi sebelum saya mula berucap -saya minta sahabat-sahabat saya yang di dalam Dewan ini juga turut mengambil bahagian. di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini kerana ini adalah untuk kepentingan kita bersama terutamanya di dalam kita ingin menjayakan Wawasan 2020, maka Rang Undang-undang ini kita luluskan tetapi kita tidak memperkemas-kinikan atau tidak memberi sebarang nasihat kepada mereka yang akan bertanggungjawab untuk mengendalikan Rang Undang-undang ini. Maka saya percaya apa sahaja perkara yang saya sebutkan tadi mungkin akan berlaku dalam negara kita.

Selain daripada itu, saya juga mengharapkan supaya mereka ini jangan pula menjadi, dengan izin, drug pusher ataupun pengedar dadah. Walaupun belum pernah berlaku dalam negara kita tetapi perlu kita awasi. Kita menasihati supaya ianya tidak berlaku di dalam

negara kita di mana bahaya dadah yang ada sekarang sudah tidak sanggup kita untuk hendak menangkis apatah lagi kalau ada tambahan setelah kita memberikan satu keistimewaan kepada diplomatik asing. Sehingga akhir-akhirnya mereka menggunakan keistimewaan itu menjadi drug pusher, dengan izin, atau penyeludup dadah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga mengharapkan jangan ada pula berlaku kerana di Malaysia ini saya hendak beritahulah dalam Dewan ini di dalam baayak-banyak bangsa dalam dunia ini, bangsa Malaysia inilah mahupun dianya dari keturunan orang Melayu, keturunan orang Cina, keturunan orang India merupakan bangsa yang paling lawa dan paling cantik. Maka itu sebabnya negara luar teringin datang ke Malaysia bukan hendak tengok pembangunan negara, dia hendak tengok kecantikan gadis-gadis di Malaysia ini. Ini tidak boleh dinafikan.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kerana di dalam Malaysia ini amat ganjil jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Kalau di negara lain, kalau kita pergi ke Afrika, kita dapati di negara di sana bangaa-bangsaaya kalau hitam, hitam legam semuanya. **[Ketawa]** Kalau di negeri China, putih-putih melepak semuanya. Begitu juga di England, putih-putih hampas-hampas kelapa. Tetapi di Malaysia ini paling istimewa. Kalau kita jumpa perempuan Cina atau gadis Cina, wah lawanya. Putih melepak. Jumpa gadis Melayu, hitam-hitam manis, pandang tak jemu macam Yang Berhormat: Puan Hajah Salbiah ini. **[Ketawa]** Kalau jumpa

perempuan India pula, walaupun dia itu hitam tetapi tidaklah begitu legam sangat semacam mana di Afrika. Hitam-hitam manis. Itu sebabnya negara lain, bangsa lain di negara luar suka datang ke Malaysia ini bukan hanya hendak menengok pembangunan negara malahan dia suka hendak melihat bagaimana keadaan negara Malaysia ini yang datangnya dari berbilang-bilang kaum baik kaum Melayu, kaum Cina, kaum India tatapi boleh hidup aman damai, boleh hidup dalam keadaan rukun damai dan boleh hidup dalam tolong-menolong, bantu membantu. Kemudian dari segi bahasa yang paling mudah belajar pula ialah Bahasa Malaysia. Kerana Bahasa Malaysia tidak ada past tense, tidak ada future tense, tidak macam bahasa-bahasa lain. Itu sebabnya orang-orang dari negara luar suka datang ke negara Malaysia ini untuk hendak melabur dan untuk hendak melihat keadaan dan suasana budaya di Malaysia ini.

Maka itu sebabnya saya katakan tadi kita mengharapkan apabila Rang Undang-undang ini sudah diluluskan nanti dan berkuatkuasa, maka kita mengharapkan semua keistimewaan yang kita beri kepada diplomatik asing tidak akan menyalahgunakan dan tidak akan menghuru-harakan dan tidak akan mendatangkan pengaruh yang boleh memburukkan negara kita daripada keadaan aman damai, hidup senang-lenang, hidup dalam bahagia. Walaupun kita ada parti pembangkang macam DAP, S46 dan macam S46 saya percaya akhirnya dia akan bersatu balik dengan UMNO walaupun kita ada seorang wakilnya dalam Dewan ini. Dia pun sahabat kita dan dia pun mengangguk sama saya. Tunggulah masa dan pada satu ketika kelak S46 akan bersatu dengan kita.

Begitu juga DAP. DAP kebanyakan pemimpinnya bukan betul-betul hendak memperjuangkan rakyat. Dia hendak mencari kepentingan diri, terjerit terpekik dalam Dewan sebelah sana, cukup bulan dapat elaun, apa dia buat kepada rakyat? Apa dia ada tolong kepada rakyat? Tidak semacam kita. Orang-orang PAS lainlah. Dia dengan UMNO ini bergesel sedikit sahajalah. Dia kata dia betul, UMNO kata dia betul. Tetapi dalam banyak-banyak betul bila kita serah kepada rakyat dalam pilihanraya, rakyat kata UMNO yang betul. Jadi patut PAS ini dibubar dan masuklah UMNO. Mari kita betulkan negara kita ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat memerlukan nasihat dan peringatan di dalam menentukan apabila saya sudah sebutkan gadis kita ini lawa-lawa, supaya jangan mereka-mereka ini datang ke dalam negara kita sehingga menjadi agen pelacuran. Membawa gadis-gadis dari negara kita ini keluar ke negara lain supaya dilacurkan. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana sebelum nasi menjadi bubur lebih baik kita nasihat dan kita memberikan ingatan kepada mereka-mereka ini, supaya mereka ini menghormati semua rang undang-undang dan semua undang-undang di dalam negara kita. Kerana saya tidaklah begitu banyak negara yang telah saya lawati, tetapi ada juga negara-negara yang begitu mematuhi kepada undang-undang yang kita sedang bahaskan sekarang ini. Terutamanya macam baru-baru ini saya mengikuti Tuan Yang di-Pertua

kita pergi ke Korea. Dan saya kagum. Biarlah saya bercakap dalam Dewan ini mewakili Yang Berhormat-Yang Berhormat yang sama-sama mengikuti rombongan dengan Tuan Yang di-Pertua dulu ke Korea. Kami diberikan begitu sanjungan dan penghormatan yang paling tinggi. Begitu kagum sekali. Saya dengan Tuan Yang di-Pertua begitu kagum sekali mahupun dari segi keselamatan, dari segi kenderaan, dari segi kemudahan-kemudahan apa sahaja. Tuan Yang di-Pertua kita diberikan satu penghormatan sebagai Ketua Negara di mana kami kagum apabila kami dijemput melawat Parlimen mereka. Kemudian kami berjalan, Tuan Yang di-Pertua mendahului rombongan, dikelilingi dengan Guard of Honour dengan benet tercacak. Saya pun serun seolah-olah, maktumlah kalau dia...tetapi itu satu penghormataa yang paling kagum. Dan selepas daripada itu, mereka membawa kami ke dalam satu bilik yang dipanggil "library".

Bolehkah saya sentuh sedikit sahaja berhubung dengan "library" ini sebab Tuan Yang di-Pertua menyaksi sama, ini bukan temberang punya cakap. Bukan macam ada separuh itu bila kita tanya dia jawab temberang kepada kita. Dia ingat kita ini macam budak-budak, cetapi dia tidak tahu, ini Senator Dewan Negara, Dewan tertinggi dalam negara. Itu sebab saya selalu beri amaran kepada Menterikah, Timbalan Menterikah, Setiausaha Parlimenkah kalau hendak menjawab soalan tambahan fikir dulu, tidak boleh jawab, minta maaf - saya tidak faham lagi, boleh tidak minta notis. Jangan temberangkan kami. Ini bukan budak-budak hendak ditemberangkan.

Sebab yang ada ini semua veteran-veteran. Walau pun ada orang kata "kuda kena hukum tembak", tetapi belum lagi, masih ada yang berguna macam saya. Saya boleh tunggu 10 tahun lagi pun saya boleh duduk, kalau diberi peluang.

Jadi bila kami dibawa ke dalam "library" - saya bercakap ini takut tidak ada orang hendak bercakap selepas ini, Bill ini habis. Tetapi saya minta selepas saya duduk, saya minta ada sahabat lain yang berucap membahas sama Rang Undang-undang.

Bila kami dibawa melawat "library" itu, kami kagum di mana pekerja-pekerjanya hampir 200 orang, segala apa sahaja berita, mahupun suratkhobar "nyamuk" yang kecil-kecil ini, termasuk yang besar-besar, apa sahaja berita dalam negara Korea, ada di sana.

Umpamanya, macam kita sekarang, kalau kita teringat ada peristiwa seminggu yang lalu, kita hendak refer balik berita daripada surat-khabar, pergi sahaja tengok buka sahaja, telah ada - begitu kagum. Dengan keselamatannya, polis dan sebagainya. Berbanding dengan Parlimen kita, librarynya, saya dengar ada tiga orang. Itu pun entah apa punya buku dan entah apa punya buku-buku cerita yang diletak. Saya harap tuan Yang di-Pertua dapat mengetuai Dewan Senate supaya dapat menasihatkan pihak Parlimen agar mempunyai satu library yang begitu membanggakan kita. Saya takut, lawatan kita ke Korea pada sebulan yang sudah, apabila mereka hendak buat lawatan balik ke negara kita, kita tidak dapat memberikan penghormatan dan membawa mereka ini pergi melihat benda-benda yang mengagumkan, selain daripada kita hendak membawa mereka pergi ke Zoo ataupun ke manakah tempat-tempat yang kagum? Saya tidak nampak. Jadi, terpaksa kita buat satu persiapan sebab dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua kena bertanggungjawab kerana Tuan Yang di-Pertua sendiri yang mengetuai kami tempoh hari.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua begitu juga kita kagum apabila kita dijemput menemui Presiden Korea. Dalam 500 ela sebelum sampai ke Istana Presiden, dengan guard of honour, dengan polis yang beruniform dan tidak beruniformnya, menghormati kita. Dapatkah kita di Malaysia ini membuat macam itu? Tidak dapat buat sepenuhnya, suku pun cukuplah berbanding semacam mana yang dibuat oleh Korea

kepada kita. Saya rasa dari segi kemampuan Polis menghormati orang luar, itu memang kami tidak nafi, memang bagus. Tetapi dari segi mengatur - begitu ramai tenaga Polis. Sehingga kami kagum, begitu tinggi penghormatan yang paling tinggi diberi kepada kami. Itulah satu-satu keistimewaan di mana kami merasai, bila kami ke luar negara, di mana negara lain menghormati kami sebagai diplomatik - sepertimana Bill yang sedang kita bahaskan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan sangat, apabila Bill ini diluluskan, apa sahaja perkara yang saya sebutkan tadi, supaya dapat kita memastikan benda ini tidak akan berlaku seperti-mana yang saya sebutkan tadi, kita memberikan keistimewaan, kemudahan dan kekebalan. Dari segi keselamatan, saya percaya dan saya berani cakap, itu terjamin. Di Malaysia inilah, kalau bangsa lain atau Diplomatik dari negara-negara lain. hendak datang, di sinilah 'terjamin keselamatan. dan paling banyak keistimewaan yang kita boleh dapat, Contohnya, kalau datang ke Malaysia ini, teringin hendak makan makanan orang Cina- ada, makanan orang India - ada, makanan orang Pakistan (capati) - ada, makanan orang putih - ada, makanan orang Korea ada, makanan Jepun - ada, makanan Tom Yam (Thailand) - ada. Semua ada. Kita semua rakyat Malaysia ini harus berbangga. Janganlah lagi hendak jadi Pembangkang dan menuduh Kerajaan yang bukan-bukan, Kerajaan sudah buat cukup bagus. Pergi-lah ke luar negeri, kalau boleh terjumpa seperti Malaysia ini.

Teringin hendak makan makanan. Cina, keluar pergi hotel Chinese Restaurant - ada. Teringin hendak makan makanan Orang Putih - ada. Betul, ini tidak boleh dinafi. Siapa yang menafikan cuba angkat tangan. Tidak berani. Walaupun PAS, mengakui - betul ada. Tetapi kenapa masih lagi bangkang Kerajaan mengatakan Kerajaan tidak betul, buat ini tidak betul, buat itu tidak betul.

Kalau di negara lain saya bila. pergi ke Korea, tanyalah kepada Tuan Setiausaha kita di sana sahabat dua orang sahaja pergi, makan terpaksa makan. ubi. kentang, rebus kerana. benda-benda lain semua saya tidak boleh makan., Begitu istimewanya Malaysia. Maka itu sebabnya saya memberi jaminan kepada bangsa lain diplomatik lain, jangan meragui apabila dia berada di Malaysia ini. Mahupun dari segi keselamatan, dari segi makanan dan dari segi apa sahaja, semuanya istimewa-istimewa belaka. Bila sudah dapat keistimewaan ini itulah yang saya sebutkan tadi, janganlah menyalahgunakan. kuasa, jangan menyalahgunakan keistimewaan sehingga sanggup menjadi 'spy' pula di dalam negara kita. Bila kita sudah beri keistimewaan, kekebalan, sehingga Polis pun tidak periksa dia, bila tengok kereta diplomatik luar negara Polis pun tidak check, tidak saman, parking di mana-mana pun tidak apa. Tetapi dalam pada itu bila sudah dapat keistimewaan, jangan pula jadi 'spy'. Jangan menjadi ejen, terutama kepada ejen superpower sehingga boleh menjahanamkan negara kita yang begitu harmoni, aman dan sebagainya.

Juga perlu saya nasihatkan sekali lagi selain daripada menjadi 'spy' dan ejen, jangan campur tangan di dalam apa saja isu politik yang ada di dalam negara kita **ini**. Jangan menyebelahi Pembangkang. Yang memberikan keistimewaan kepada diplomatik luar ini adalah Barisan Nasional. Kerajaan akan tengok, kalau dirasakan tidak begitu kemaskini Rang Undang-undang **ini**, kita wujudkan lagi satu Rang Undang-undang supaya kita memperkemaskinikan, supaya semua diplomatik yang datang ke sini terjamin, terselamat dan segala-galanya. Ini kita hendak beritahu, terutama bagi pihak. Kementerian Luar Negeri, Wisma Putra. Beritahu kepada orang luar yang datang ke negara kita bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengambil langkah mencari jalan untuk memperbaiki apa sahaja Rang Undang-undang di dalam negara kita ini termasuklah Rang Undang-undang untuk menjaga keselamatan, keistimewaan dan kemudahan kepada orang luar yang datang ke negara kita **ini**. Kalau dia tanya Kerajaan apa? Barisan Nasional, bukan Kerajaan DAP, PAS ataupun parti-parti Pembangkang yang lain.

Inilah keistimewaannya. Jadi, kita mintalah agar mereka ini jangan campur tangan, jika ada krisis politik, perbalahan politik dalam negara kita, - kita mempunyai Kerajaan sendiri, biar kita selesaikan, jangan pula mereka menyebelahi parti Pembangkang ataupun campurtangan dalam isu-isu politik.

Selain daripada itu kita juga menasihatkan sekali lagi supaya menghormati kebudayaan negara kita.

Jangan cuba membawa kebudayaan Barat sehingga boleh menghancurkan dan menjadikan keadaan buruk kepada rakyat negara kita. Kalau yang datang daripada negara Islam pula, jangan cuba bawa pula ajaran sesat di dalam negara kita, kerana dari segi amalan Islam kami tidak boleh terima selain daripada ajaran-ajaran yang berpandu kepada Al-Quran dan Hadis - Sunnah Rasul. Itulah yang penting yang harus kita menasihatkan dan mengingatkan di dalam membahas dan meluluskan. Rang Undang-undang ini.

Begitu juga saya minta supaya mereka jangan cuba menjadi pelacur, pengedar dadah dan menjadi ejen kepada perkara-perkara yang boleh memburukkan keadaan di dalam negara kita, Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya lihat ada sahabat-sahabat kita yang mengangguk-angguk, jadi saya hendak beri peluang pula kepada mereka. Saya rasa cukuplah saya bercakap dalam menasibatkan kepada diplomatik-diplomatik supaya mereka menggunakan keistimewaan yang diberi dengan sebaik-baiknya setelah Rang Undang-undang ini diluluskan.

Maka dengan itu, saya menyokong Bil. yang dinamakan Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1991. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad.

6.19 ptg.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Abmad : Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk bersama-sama dengan rakan-rakan saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa(Keistimewaan dan Kekebalan), 1991.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita memandangkan dari segi nama, (Keistimewaan dan Kekebalan), ia sungguh luas apabila kita mentafsirkan keistimewaan dan kekebalan ini. Kalau. istimewa, duduk istimewa makan istimewa, buang air istimewa, berjalan istimewa, sikat rambut istimewa, tidur istimewa, semuanya istimewa.

Dan apabila ia sudah istimewa, kebal pula. Kalau tidur, tidurnya itu mesti nyenyak betul, kalau orang yang kebal tembak tak lut, kalau dia kebal usik tak terasa. Kadang-kadang terlalu kebal, apa buatpun tak terasa pun tak sedap juga. Mesti juga ada sesuatu yang kebal tapi apabila kita buat kita terasa. Ini pun baik juga. Jadi, dalam keadaan inilah, maka keistimewaan dan kekebalan ini diplomatik-diplomatik asing yang datang ke negara kita ataupun dari negara kita ke luar, keistimewaan yang diberi oleh negara kita ini jangan disalahertikan, jangan disalahgunakan oleh negara-negara asing apabila ia memasuki negara kita Malaysia ini.

Yang Berhormat Senator Azman Atar begitu lantang memperkatakan sesuatu yang hari ini menjadi masalah di negara kita. Pertamanya masalah yang dikatakan. pelacuran. Masalah ini memang menjadi satu masalah besar tetapi ianya dapat dihindarkan dengan adanya sesuatu keistimewaan yang kita ada yang kita katakan kekebalan ini supaya kekebalan yang diberi oleh Kerajaan ini diperakui oleh Menteri. Menteri bertanggungjawab mempertahankan. ataupun mempersoalkan keistimewaan dan kekebalan yang diberi kepada diplomatik-diplomatik luar ini. Oleh itu, adalah perlu penarikan balik keistimewaan dan kekebalan wakil negara yang tidak memberi layanan salingan, katanya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa ada di dalam Fasal 10, kebenaran memegang

tanah di Persekutuan. Memegang tanah ini kita terpaksa kaji sedalam-dalamnya, memegang tanah oleh diplomatik-diplomatik asing ini di negara kita dalam keadaan ini kita harus berjaga-jaga juga. Jangan ada sahaja diplomatik hendak tanah kita beri, hendak gunung kita beri, hendak buat kuari mendapatkan batu-batu kita beri. Jadi, di dalam itu kita lupa bahawa kita beri, beri, kita lupa rakyat keliling kita ini memerlukan juga apa yang diperlukan oleh diplomatik-diplomatik asing ini. Jangan kita hanya sewenang-wenangnya memperakui bahawa tanah-tanah yang diminta oleh diplomatik-diplomatik ini boleh kita beri. Kita mesti sekat, kita mesti peruntukan bahawa diplomatik memohon tanah misalnya di negara kita hanya satu hingga tiga ekar sahaja ataupun yang diperlukan setakat muat, kalaupun buat rumah selebar mana rumah dia hendak buat, berikan itu sahaja. Jangan kita beri satu kebenaran yang meluas, memperuntukkan supaya ianya dibenarkan memohon tanah. Ini saya rasa, walaupun buku ini baru saya dapat semalam, kemungkinan ia tertulis di dalam buku ini, ini soal nombor dua. Soal pertamanya, kita bahaskan ini dulu. Kalau sudah ada dalam buku ini, ucapan-ucapan yang tertentu itu dikira mansuh sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, apa juga yang kita buat, parti pemerintah buat, Barisan Nasional buat, UMNO buat, memang tak ada yang puas hatilah. ' Macam mana baikpun dibuat oleh negara kita ini, sehinggalah diplomatik-diplomatik lain pun kita terima, ada juga yang tak puas hati. Tetapi sebagai seorang manusia, keadaan tak puas hati ini memang adalah. Jadi, parti-parti yang membangkang

jangan kita terlalu lantang mengatakan Kerajaan ini tidak baik, lebih-lebih lagi di dalam keadaan kempen yang baru berlalu di Serkam dan hari ini di Jerlun, parti-parti Pembangkang ini kadang-kadang suara-suara yang di dalam Dewan ini dijadikan isu, dijadikan masalah. Tetapi dia hendak duduk dalam Dewan ini. Kalau hendak jadikan masalah jangan duduk dalam Dewan Negara, jangan duduk di Dewan Rakyat. Duduk di luar. Beraunglah di luar. Oleh sebab itu, jangan ia dijadikan isu tetapi elaun-elaun hendak pula diterima. Jangan diterima elaun-elaun, Apa yang Kerajaan buat semua salah, yang baik pun salah, yang tak baik lebih lagi salah. Dalam keadaan ini, kita hendak mencari penyelesaian. Kita hendak membawa ekonomi negara-negara luar ke dalam negara kita, kalau masih ada lagi yang tidak berpuas hati keadaan-keadaan begini, saya rasa kita akan menempuh suatu suasana yang kurang sihat

Oleh sebab **itu**, hari ini telah mencipta ataupun membuat satu Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1991 ini supaya negara-negara luar memandang tinggi negara ini, menghormati kedatangan mereka ke negara kita ini. Oleh sebab itulah keistimewaan-keistimewaan ini dilaksanakan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian yang bertanggungjawab di atas Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1991 ini.-

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Fasal 12, Pemansuhar pindaan, kita mahu bahawa Menteri yang bertanggungjawab **itu**, kalau ianya Menteri Luar Negeri tetapi lawatan ataupun keistimewaan yang

diberi oleh Kerajaan kita kepada wakil-wakil kalau kita lihat Fasal 5 Keistimewaan dan kekebalan wakil menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa. Inipun hendak kita beri keistimewaan. Belia pun datang ke sini, kalau ia mewakili negaranya kita hendak kira juga, Menteri Belia itu juga bertanggungjawab. Kalau diletakkan kepada Menteri Luar sahaja, ada kemungkinan analisa latar-belakang belia-belia ini walaupun diketahui oleh Menteri Luar bahawa Menteri Belia itu misalnya lebih mengetahui atas kedatangan wakil-wakil yang saya katakan tadi menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa ini.

Jadi, persidangan yang dibuat oleh tiap-tiap kementerian itu di negara kita dan hendak kita beri perwakilan-perwakilan itu bertaraf keistimewaan dan kekebalan, menteri-menteri itu juga mestilah bertanggungjawab di atas kehadiran-kehadiran mereka ini. Istimewa ini, Tuan Yang di-Pertua, sungguh luas saya katakan tadi. Kalau sudah istimewa, kalau dia buat salah, pihak Polis hendak tangkap pun tidak wajar sebab dia istimewa - jemputan Kerajaan. Jadi, kalau tidak dapat kita membendung perkara-perkara begini adalah menjadi masalah kepada rakyat. Kalau orang luar datang, diplomatik luar datang atupun delegasi-delegasi luar datang buat pertunjukan-pertunjukan seperti kata Yang Berhormat Azman Atar tadi, dia kata kalau dia bawa orang luar, buat tarian, pakai coli, pakai seluar dalam, maka dia kerana keistimewaan itu kita tak boleh buat apa-apa, ini pun perlu juga dipertimbang dan dipandang berat. Janganlah dia datang sesuka hati dengati rambut panjang, dengan melakukan apa yang saya katakan tadi bahawa kita pun ikut dan tak ada apa-apa masalah

oleh negara kita, Sebab dia istimewa, kebal. Tetapi kebal-kebal pun ada satu kebal, orang kampung cakap, Tuan Yang di-Pertua, "kebal kepala-tahi" kata dia. Ini "kebal kepala-tahi" ilmu juga tetapi kebal begini tak ada gunanya, tetapi yang dimaksudkan kekebalan di sini ialah keistimewaan ataupun safeguard atau guard of honour, kata Yang Berhormat Azman Atar tadi. Kita beri kepada diplomatik-diplomatik ataupun wakil-wakil negara asing ke negara kita adalah satu kejayaan yang dibuat oleh Kerajaan kita.

Memandangkan masa masih ada satu minit lagi, biarlan saya habiskan satu minit ini, walaupun kita tahu bahawa perkara ini kalau dibincangkan seluas-luasnya, Tuan Yang di-Pertua ia akan mengambil masa yang agak panjang, Tetapi oleh sebab masa masih ada satu minit, saya dengan rasa begitu besar hati, saya tidak mahu bahawa kita diperkatakan dalam menghormati negara asing, menghormati delegasi-delegasi asing yang datang ke sini ada pihak yang tidak menyetujui ataupun tak puas hati dan apabila layanan melalui undang-undang yang begini baik, masih tidak puas hati lagi. Kalau boleh memperbetulkan yang mana silap, yang mana tak kena, kita betulkan di Dewan yang mulia ini. Bukannya hendak kita suarakan di luar maka kita jadikan sesuatu isu untuk menjatuh, merendahkan martabat Kerajaan. Ini tidak perlu kita mempersoalkan lagi. Jadi, dengan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih diberi peluang bercakap dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1991. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menangguhkan mesyuarat ini sehingga hari esok mulai pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

